Eropah meningkat dengan ketara. Gangguan secara meluas yang menyusuli dalam pasaran pembiayaan borong kawasan euro telah tersebar dengan pantas ke dalam pasaran kertas perdagangan yang merupakan sumber pembiayaan dolar yang penting bagi kebanyakan bank Eropah (Rajah 1.37). Walaupun keadaan pembiayaan bertambah baik pada separuh kedua tahun 2010 berikutan langkah pelbagai hala oleh pihak berkuasa[1], institusi perbankan di kawasan euro terus berhadapan dengan risiko kerugian pinjaman yang lebih tinggi akibat kelemahan berterusan dalam pasaran pekerjaan dan harta tanah.

Impak langsung dan tidak langsung yang minimum akibat perkembangan di Eropah dan Timur Tengah

Perkembangan di Eropah dan Timur Tengah hanya memberikan impak yang kecil terhadap bank di Malaysia. Hal demikian berlaku kerana dedahan langsung yang terhad terhadap ekonomi di rantau tersebut dan rakan niaga swasta yang berdomisil di kawasan ini, yang mencakupi 18.3% daripada jumlah dedahan luar atau 5% daripada asas modal sistem perbankan pada akhir tahun 2010 (Rajah 1.38). Daripada jumlah ini, dedahan sistem perbankan kepada GIIPS hanya mencakupi 0.02% daripada asas modal atau 0.1% daripada jumlah dedahan luar. Pemegangan bon kerajaan tersebut sebahagian besarnya adalah dalam buku perbankan, yang dengan demikian mengehadkan impak kewangan berkaitan dengan pergerakan dalam penilaian pasaran (Rajah 1.39). Aset dalam denominasi mata wang asing yang dipegang oleh institusi perbankan untuk perdagangan dan pelaburan, termasuk sekuriti dalam denominasi euro, juga kecil pada 0.6% daripada jumlah aset dan 6.5% daripada asas modal pada akhir tahun 2010. Sebahagian besar daripada dedahan luaran dalam denominasi mata wang asing adalah dalam dolar AS, dolar Australia dan euro, yang berjumlah RM24.2 bilion atau 16.2% daripada asas modal. Dedahan langsung penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia (selepas ini kedua-duanya dirujuk sebagai penanggung

[1] Dengan akses kepada pasaran modal swasta yang berkurang dan pergantungan yang tinggi pada pembiayaan borong jangka pendek, bank-bank Eropah semakin bergantung pada pembiayaan daripada Bank Pusat Eropah (ECB) melalui operasi dasar monetari dan kemudahan mudah tunainya, termasuk pengaktifan semula kemudahan swap dolar AS dengan Rizab Persekutuan AS dan pengembangan kemudahan pinjaman euro dari segi kematangan dan saiz. Langkah lain termasuklah kemudahan pinjaman baharu sebanyak €440 bilion untuk ekonomi kawasan euro, Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah, dan pengembangan kemudahan pinjaman sedia ada oleh Suruhanjaya Eropah berjumlah €60 bilion pada Mei 2010. ECB juga memulakan pembelian terus bon kerajaan Eropah bagi menangani tekanan dalam pasaran hutang berdaulat.

Rajah 1.39

Sistem Perbankan: Komposisi Dedahan Luar Negeri mengikut Jenis Transaksi



Sumber: Bank Negara Malaysia

insurans) kepada Eropah dan Timur Tengah hanya berjumlah RM1.45 bilion atau 27.1% daripada jumlah dedahan asing. Ini kebanyakannya terdiri daripada pelaburan yang diuruskan oleh dana ekuiti swasta di Eropah. Dedahan kepada GIIPS adalah kecil, iaitu 5.6% daripada jumlah aset asing. Sekiranya berlaku kemungkiran hutang kerajaan yang meluas oleh negara-negara euro yang lebih kecil, potensi kerugian kredit masing-masing adalah kurang daripada 0.05% dan 0.0006% daripada modal penampan sektor perbankan dan insurans (Rajah 1.40).

Rajah 1.40

Sektor Insurans: Dedahan Luar berdasarkan Jenis Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penularan tidak langsung melalui dedahan terhadap ekonomi Eropah lain, khususnya ekonomi yang mempunyai tuntutan asing yang tinggi terhadap negara yang terjejas, juga kekal rendah. Meskipun institusi kewangan di kawasan euro yang lain mempunyai kesalinghubungan yang erat dengan negara-negara euro yang lebih kecil melalui pelbagai saluran kredit dan pendanaan, risiko kredit bank Malaysia kepada kawasan euro yang lain kekal terurus, iaitu pada 12.9% daripada jumlah dedahan luar dan 3.5% daripada asas modal. Lebih separuh daripada dedahan langsung kepada Eropah adalah dengan negara EU-3 (Jerman, Perancis dan UK). Selain pemegangan sekuriti hutang berpenarafan tinggi, urus niaga antara bank yang melibatkan syarikat induk dan subsidiari serta kontrak derivatif yang terdiri terutamanya daripada swap kadar faedah, membentuk bahagian yang besar daripada dedahan luar sistem perbankan dengan ekonomi utama Eropah (Rajah 1.41). Sementara itu, pelaburan penanggung insurans di kawasan Eropah yang lain (tidak termasuk GIIPS) adalah kecil, iaitu 0.8% daripada jumlah aset industri.

Tiada limpahan yang buruk daripada tekanan pendanaan antara bank di kawasan euro yang menjejaskan ketersediaan dana dalam pasaran wang dalam negeri atau kepada bank asing di Malaysia yang syarikat induknya beribu pejabat di negara Eropah utama. Bagi bank asing,

Rajah 1.41

Sistem Perbankan: Komposisi Dedahan Luar Negeri kepada EU-3 mengikut Jenis Transaksi



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebagaimana bank domestik, deposit ringgit ialah sumber pendanaan utama operasi mereka (Rajah 1.42). Di samping itu, semua bank terus beroperasi dalam keadaan mudah tunai dalam negeri yang lebih daripada mencukupi dan mereka juga diperlukan untuk mematuhi standard kawal selia mudah tunai. Kadar antara bank dalam negeri terus stabil bagi semua tempoh matang pada tahun 2010 (Rajah 1.43). Pembiayaan merentas sempadan ke Asia oleh bank asing yang berdomisil di negara lain sebahagian besarnya tidak terjejas, dengan pembiayaan kepada peminjam di Malaysia daripada bank yang berdomisil di negara asing mencatat pertumbuhan 13.7% pada tahun 2010. Pada akhir September 2010, peminjaman oleh pemastautin daripada bank luar negeri berjumlah RM90.9 bilion. Sekiranya pemberian pinjaman merentas sempadan berkurang, terutamanya oleh institusi kewangan Eropah yang bermasalah, lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan yang diukur melalui simpanan antara bank bersih dengan Bank berjumlah RM131.7 bilion adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan peminjaman pemastautin.

Rajah 1.42

Sistem Perbankan: Deposit Ringgit dan Mata Wang Asing



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.43

Sistem Perbankan: Kadar Antara Bank Konvensional dan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun pengembangan operasi bank Malaysia yang lebih pesat di negara serantau dan kemasukan bank asing baharu telah meningkatkan potensi risiko penularan, impaknya terkawal memandangkan penampan modal adalah kukuh dan prospek bagi rantau Asia menggalakkan

Limpahan luar daripada operasi perbankan luar negeri adalah terhad, didorong oleh kualiti aset dan sumbangan keuntungan yang bertambah baik

Integrasi ekonomi dan kewangan di Asia telah disokong oleh pembangunan pasaran modal serantau yang berterusan, infrastruktur kewangan yang lebih bersepadu dan kepentingan institusi kewangan serantau yang semakin ketara. Pada tahun 2010, kumpulan perbankan Malaysia terus memperluas operasi ke luar negeri melalui penubuhan cawangan dan subsidiari, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun Asia Tenggara. Meskipun langkah ini menghasilkan pengantaraan aliran kewangan serantau yang lebih cekap dan membolehkan pempelbagaian risiko dan hasil yang lebih tinggi, kesalinghubungan kewangan yang semakin kukuh turut meningkatkan tahap, saluran dan kedinamikan potensi penularan risiko merentas sempadan.

Sepanjang tahun 2010, limpahan yang memudaratkan daripada operasi luar negeri adalah kecil. Ini berikutan kedudukan kewangan dan kapasiti pengurusan risiko yang kukuh pada peringkat entiti luar negeri dan kumpulan. Pada akhir tahun 2010, kumpulan perbankan Malaysia mempunyai lebih daripada 50 unit perniagaan merentas 19 negara. Saiz aset operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik meningkat kepada RM311 bilion, mencakupi 20% daripada jumlah aset dalam negeri pada akhir tahun 2010. Meskipun beberapa penanggung insurans domestik yang besar turut mengembangkan operasi mereka ke luar negeri, terutamanya di Indonesia dan Singapura,

Rajah 1.44

Sistem Perbankan: Komposisi Aset bagi Operasi Luar Negeri (dan Bilangan Pertubuhan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

perkembangan ini masih lagi kecil dan hanya mencakupi 0.2% daripada jumlah aset dalam negeri (Rajah 1.44 dan Rajah 1.45). Operasi utama kumpulan perbankan domestik di luar negeri terus mencatat keuntungan yang kukuh dan pulangan atas aset yang lebih tinggi. Ini telah menyumbang kepada peningkatan bahagian keberuntungan kumpulan perbankan daripada operasi luar negeri, antara 0.1% hingga 33.7%. Kapasiti menjana pendapatan operasi luar negeri juga menyokong penjanaan modal sendiri oleh subsidiari asing bank domestik. Nisbah modal wajaran risiko bagi subsidiari asing utama bank dalam negeri, yang dikira berdasarkan keperluan Basel II bagi setiap kumpulan perbankan domestik masing-masing, kekal antara 12.4% hingga 33.6% pada akhir tahun 2010, lantas menyediakan penampan

Rajah 1.45

Sektor Insurans: Operasi Luar Negeri mengikut Negara dan Jumlah Saiz Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.46

Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama bagi Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang kukuh terhadap perkembangan buruk di luar negeri (Rajah 1.46). Seperti operasi domestik kumpulan perbankan ini, aktiviti pemberian pinjaman kumpulan perbankan tersebut di negara tuan rumah sebahagian besarnya dibiayai oleh deposit mata wang tempatan seperti dicerminkan oleh nisbah pinjaman kepada deposit yang stabil bagi subsidiari asing. Dengan pergantungan yang rendah terhadap pasaran pendanaan borong bagi operasi kumpulan perbankan Malaysia di dalam dan di luar negeri, kemungkinan berlakunya kejutan mudah tunai luar untuk merebak melalui operasi perbankan merentas sempadan adalah terhad (Rajah 1.47).

Risiko kredit yang berpunca daripada operasi luar negeri kekal terurus sepanjang tahun 2010 susulan kapasiti pengurusan risiko bank yang mantap. Ini dikukuhkan lagi oleh faktor positif yang mempengaruhi keupayaan membayar balik hutang, termasuk prestasi ekonomi di

Rajah 1.47

Struktur Pendanaan untuk Operasi Luar Negeri (dan Nisbah Pinjaman kepada Deposit)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.48

Komposisi Pinjaman Subsidiari Luar Negeri mengikut Jenis dan Negara



Sumber: Bank Negara Malaysia

rantau ini yang bertambah baik (Rajah 1.48). Pinjaman tak berbayar kasar bagi subsidiari utama di luar negeri secara agregat terus stabil pada 3.3% daripada jumlah pinjaman. Namun, operasi serantau kumpulan perbankan domestik mungkin terjejas oleh aliran modal yang lebih tinggi ke rantau Asia. Untuk meredakan tekanan terhadap ekonomi, terutamanya dalam pasaran harta tanah, beberapa negara serantau telah melaksanakan langkah yang berkaitan dengan sektor harta tanah untuk mengekang tercetusnya gelembung harga. Meskipun langkah ini mungkin sedikit sebanyak menyederhanakan pertumbuhan pinjaman dan kapasiti menjana pendapatan daripada operasi di luar negeri, ini dijangka tidak akan terlalu menjejaskan kedudukan kewangan dan keberuntungan kumpulan perbankan dalam negeri.

Risiko daripada dedahan rakan niaga kepada penanggung insurans semula Eropah adalah terhad

Dalam industri insurans, risiko utama yang dipantau oleh Bank ialah dedahan penanggung insurans am Malaysia terhadap tuntutan insurans semula daripada penanggung insurans dan penanggung insurans semula Eropah. Selain persekitaran kadar hasil rendah yang berlarutan dan terus memberikan tekanan terhadap pendapatan pengunderaitan dan pelaburan, anggaran kerugian yang diinsuranskan daripada lebih 300 kejadian bencana besar di seluruh dunia mencecah USD38 bilion. Ini seterusnya akan memberikan tekanan kepada keberuntungan penanggung

Rajah 1.49

Sektor Insurans: Pengagihan Pendapatan Premium Kasar dan Nisbah Bendungan berdasarkan Kelas Perniagaan Utama



*MAT: Marin, udara & transit

Sumber: Bank Negara Malaysia

insurans dan penanggung insurans semula berkenaan. Sementara itu, risiko penularan daripada krisis hutang kerajaan terus ketara disebabkan oleh pemilikan bon kerajaan yang besar dan dedahan tinggi oleh penanggung insurans dan penanggung insurans semula di kawasan euro kepada sektor perbankan Eropah yang masih lemah.

Risiko kepada sektor insurans Malaysia yang berpunca daripada ketidakmampuan penanggung insurans semula Eropah yang utama untuk menunaikan tanggungjawab mereka masih dibendung dengan baik. Kapasiti dalam negeri terus mencukupi untuk menampung sebahagian besar risiko di Malaysia, dengan nisbah pengekalan bersih pada 71.4% (Rajah 1.49). Keperluan kapasiti industri yang selebihnya telah dipenuhi oleh penanggung insurans dan penanggung insurans semula asing yang mempunyai penarafan 'A' dan ke atas. Jumlah dedahan insurans semula terhadap penanggung insurans Eropah, yang diukur dari segi tuntutan insurans semula terkumpul, mencakupi 11.9% daripada jumlah keseluruhan kutipan semula insurans semula atau RM248 juta (2009: RM1.25 bilion). Ini hanya mewakili 8.5% daripada jumlah keseluruhan modal yang sedia ada bagi industri insurans am pada akhir tahun 2010, iaitu pada paras penampan modal semasa industri yang selesa. Risiko kepada modal daripada potensi penurunan penarafan

Rajah 1.50

Spread CDS Syarikat Penanggung Insurans dan Insurans Semula Utama di Eropah



Sumber: Bloomberg

bagi penanggung insurans Eropah masih terhad memandangkan prestasi kewangan mereka yang bertambah baik pada tahun 2010. Keadaan ini terus disokong oleh CDS penanggung insurans utama Eropah yang masih berada di bawah paras tertinggi semasa krisis kewangan global (Rajah 1.50 dan Rajah 1.51). Kesan negatif daripada pelarasan dalam kadar insurans semula juga, setakat ini, adalah tidak ketara. Kadar insurans semula global terus menurun bagi tujuan pembaharuan pada tahun 2010. Ini disokong terutamanya oleh kapasiti semasa global yang berlebihan. Perkembangan ini seterusnya telah mengekalkan kecekapan kos bagi syarikat Malaysia yang sangat bergantung pada insurans bagi operasi mereka.

Rajah 1.51

Sektor Insurans: Komposisi Dedahan Luar Negeri berdasarkan Tuntutan Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO KHUSUS SISTEM PERBANKAN ISLAM

Sistem perbankan Islam terus kekal berdaya saing sepanjang tahun 2010 disokong oleh permodalan yang tinggi (RWCR: 14.9%) dan kualiti aset yang bertambah baik dengan pembiayaan tak berbayar pada 2% dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan keadaan ekonomi yang bertambah baik. Dari segi keberuntungan, institusi perbankan Islam mencatat pendapatan yang stabil dan mampan, sekali gus menjana pulangan atas aset dan ekuiti yang lebih baik (Rajah 1.52).

Keberuntungan menggalakkan yang dicatatkan ini membolehkan institusi perbankan Islam memberikan pulangan yang kompetitif kepada pendeposit mereka, seterusnya membolehkan institusi perbankan Islam terus menarik lebih banyak deposit (Rajah 1.53). Pada akhir tahun 2010, jumlah keseluruhan deposit institusi perbankan Islam meningkat 15.7% kepada RM218.4 bilion.

Hampir separuh daripada deposit adalah dalam bentuk kontrak *mudharabah* (perkongsian keuntungan dan penanggungan kerugian) (Rajah 1.54). Daripada jumlah tersebut, hampir 70% adalah dalam bentuk Akaun Pelaburan Am (General Investment Account, GIA) dengan pendeposit mengharapkan perlindungan pelaburan pokok dan kepastian dalam pulangan. Berikutan matlamat ini, institusi perbankan Islam telah menguruskan portfolio aset mereka dengan aktif untuk menjana keuntungan yang mencukupi bagi menangani risiko komersial teralih (displaced commercial risks, DCR). Pengurusan DCR menjadi lebih ketara dalam persekitaran sistem dwiperbankan yang

Rajah 1.52

Nisbah Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.53

Deposit Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

mempunyai kolerasi positif antara kadar faedah deposit tetap dengan GIA (Rajah 1.55). Dalam menguruskan DCR, institusi perbankan Islam menggunakan langkah-langkah seperti rizab penyamaan keuntungan (profit equalisation reserves, PER) yang membolehkan mereka memberikan kadar pulangan kompetitif kepada pendeposit.

PER biasanya akan dikumpulkan pada tempoh ketika aset yang disandarkan menjana pendapatan yang lebih tinggi daripada pulangan yang dijangkakan oleh pendeposit *mudharabah*. Dalam situasi kadar pulangan atas aset yang disandarkan adalah lebih rendah atau tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak pendeposit, PER terkumpul akan

Rajah 1.54

Komposisi Deposit Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.55

Kadar Deposit Tetap Disebut dan Kadar Akaun Pelaburan Am



Sumber: Bank Negara Malaysia

digunakan. Ini dilihat berlaku pada separuh kedua tahun 2009 berikutan aktiviti ekonomi yang perlahan. PER terus digunakan pada awal tahun 2010 sebagai tindak balas kepada pelarasan menaik kadar konvensional (Rajah 1.56). Setelah keadaan ekonomi bertambah baik, institusi perbankan Islam mula meningkatkan PER untuk tempoh seterusnya pada tahun tersebut. Pentadbiran PER yang berhemat oleh institusi perbankan Islam telah membolehkan pengurusan DCR yang berkesan. Selain PER, pembelian pembiayaan rumah secara Islam dan hutang sewa beli oleh Cagamas Berhad, Perbadanan Gadai Janji Nasional, walaupun masih kecil ketika ini, merupakan saluran lain bagi institusi perbankan Islam menguruskan DCR dengan berkesan.

Baki 30% daripada deposit *mudharabah* adalah dalam bentuk Akaun Pelaburan Spesifik

Rajah 1.56

Rizab Penyamaan Keuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.57

Komposisi Pembiayaan mengikut Kontrak Islam



BBA: *Bai Bithaman Ajil*
Sumber: Bank Negara Malaysia

(Specific Investment Account, SIA). Berbeza dengan deposit GIA, risiko pelaburan yang berkaitan dengan deposit SIA ditanggung oleh para pelabur. Kesediaan pelabur untuk menanggung risiko ini disokong oleh syarat bagi perjanjian mengenai mandat pelaburan serta penzahiran risiko dan prestasi pelaburan yang pantas kepada para pelabur. Pada akhir tahun 2010, jumlah deposit SIA meningkat sebanyak 14.8% kepada RM31 bilion (Rajah 1.53 dan Rajah 1.54).

Sementara itu, kira-kira 63.8% daripada aset perbankan Islam adalah dikontrakkan menggunakan dasar kadar tetap. Aset ini, sebahagian besarnya distrukturkan menggunakan kontrak *murabahah* yang mencakupi 48% daripada jumlah pembiayaan (Rajah 1.57 dan Rajah 1.58).

Sifat pembiayaan berkadar tetap tersebut menimbulkan risiko jurang penetapan semula harga (re-pricing gap risk) disebabkan wujud ketakpadanan antara tahap pulangan yang diperoleh atas aset dengan penetapan semula harga liabiliti. Bagi mengurangkan risiko jurang penetapan semula harga, institusi perbankan Islam telah meningkatkan penggunaan instrumen perlindungan nilai seperti swap kadar keuntungan Islam (IPRS) yang memberikan institusi Islam perbankan kefleksibelan untuk membuat swap pendapatan belum diterima berkadar tetap dengan pendapatan belum diterima kadar terapung. Pada tahun 2010, jumlah nosional IPRS terkumpul meningkat kepada RM2.5 bilion. Usaha telah dipergiat untuk memperdalam mudah tunai pasaran IPRS. Ini termasuk membangunkan Perjanjian Utama

Rajah 1.58

Pembiayaan mengikut Jenis Kontrak Islam



BBA: *Bai Bithaman Ajil*

Sumber: Bank Negara Malaysia

tahawutt (lindung nilai) yang membolehkan pengurusan risiko rakan niaga yang lebih berkesan, lantas menambahkan daya tarikan pasaran IPRS.

Terdapat juga peningkatan jumlah produk pembiayaan Islam kadar boleh ubah dalam bentuk *musharakah mutanaqisah* (perkongsian berkurang) dan kontrak *ijarah* (pajakan) yang menyediakan saluran bagi institusi perbankan Islam mempelbagaikan asas aset mereka, lantas mengurangkan pertumpuan kepada pembiayaan kadar tetap. Pembiayaan sedemikian meningkat 44.1% pada tahun 2010 dan mencecah jumlah sebanyak RM58.6 bilion pada akhir tahun 2010 (Rajah 1.59).

Rajah 1.59

Pembiayaan Kadar Tetap dan Kadar Terapung



Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DAN BIDANG RISIKO LAIN

Sepanjang tahun 2010, kestabilan kewangan tidak terjejas hasil sokongan permodalan dan keadaan mudah tunai institusi kewangan yang kukuh. Keputusan ujian tekanan mengesahkan keupayaan sistem kewangan untuk menyerap kejutan yang mungkin berlaku meskipun dalam senario makroekonomi yang paling buruk

Bank turut memantau dengan teliti perkembangan luaran lain seperti pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa dan kejadian-kejadian yang berkaitan dengan cuaca serta ketegangan geopolitik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (Middle East and North Africa, MENA). Meskipun kejadian ini mengakibatkan turun naik dan ketidakpastian pasaran menjadi ketara dalam tempoh masa yang pendek, namun pasaran dan sistem kewangan terus teratur sepanjang tahun 2010.

Keadaan pasaran PDS yang menggalakkan terus memudahkan pemerolehan dana oleh syarikat, terutamanya selepas pertengahan tahun 2010. Bagi tahun 2010, terbitan PDS baharu berjumlah RM82.3 bilion. Langkah-langkah penarafan pada suku ketiga terhadap sekuriti hutang yang diterbitkan oleh entiti yang terlibat dalam pengagihan dan rawatan air di Selangor hanya memberikan kesan sementara yang terhad terhadap aktiviti pasaran. Pada bulan Jun, entiti ini ditempatkan dalam pengawasan negatif oleh agensi penarafan dalam negeri memandangkan ketidakpastian berhubung dengan langkah penstrukturan semula industri air negeri tersebut yang berlarutan. Urus niaga mudah tunai dalam pasaran sekunder susulan tindakan penarafan ini hanya terjejas dalam masa yang singkat dan keadaan pasaran sebahagian besarnya terus stabil sepanjang tempoh ini meskipun terdapat penurunan penarafan sekuriti hutang tersebut pada bulan September. Hal ini berlaku kerana

Rajah 1.60

Nisbah Perlindungan Faedah bagi Industri Terpilih



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

saiz terbitan tersebut yang kecil, yang dari segi agregatnya mencakupi kurang daripada 3% PDS terkumpul. Bersesuaian dengan keadaan kredit dan ekonomi yang lebih baik pada tahun 2010, kualiti kredit, sebagaimana yang diukur melalui nisbah penurunan berbanding dengan kenaikan seperti tahun lepas, bertambah baik kepada 1.47 kali pada tahun 2010 (2009: 2.09 kali). Keadaan ekonomi yang bertambah baik terus memperkukuh keupayaan khidmat bayar balik hutang sektor perniagaan, meskipun terdapat turun naik kadar pertukaran asing yang lebih ketara dan kos peminjaman yang lebih tinggi yang mengekalkan kualiti portfolio pinjaman bank. Meskipun penambahan nilai ringgit telah menyebabkan hasil eksport lebih rendah bagi perniagaan dalam industri berorientasikan eksport, namun impak tersebut telah diimbangi oleh permintaan luaran yang berterusan dan harga bahan mentah diimport yang secara relatif lebih murah. Sementara itu, syarikat yang mempunyai pinjaman dalam mata wang asing mendapat manfaat daripada penambahan nilai ringgit melalui kos khidmat bayar balik hutang yang lebih rendah (Rajah 1.60). Perkembangan dalam kadar pertukaran juga menggalakkan pengurusan dedahan mata wang asing yang lebih aktif oleh perniagaan melalui penggunaan instrumen perlindungan nilai seperti urus niaga hadapan dan swap. Sektor perniagaan terus mengekalkan kedudukan leveraj yang secara relatif rendah, iaitu keadaan yang sedia wujud sejak krisis kewangan Asia. Hal yang demikian telah memberikan sektor perniagaan dengan fleksibiliti yang lebih besar untuk menangani kenaikan kos pengeluaran dan peminjaman tanpa menjejaskan dengan teruk

Rajah 1.61

Sistem Perbankan: Jumlah dan Nisbah NPL[1]



[1] Mulai Januari 2010, termasuk pinjaman terjejas mengikut *Financial Reporting Standards (FRS) 139*

Sumber: Bank Negara Malaysia

keupayaan pembayaran balik hutang mereka. Pada akhir tahun 2010, pinjaman tak berbayar kasar bagi portfolio perniagaan bank meningkat kepada RM17.2 bilion (2009: RM14.3 bilion), atau 5.2% daripada jumlah keseluruhan pinjaman perniagaan terkumpul (Rajah 1.61 dan Rajah 1.62). Pinjaman tak berbayar yang tinggi sedikit ini adalah disebabkan oleh penerapan metodologi jejas nilai ekoran penguatkuasaan keperluan standard pelaporan kewangan, FRS 139, sejak tahun kewangan bermula tahun 2010. Sementara itu, pertumbuhan jumlah pinjaman (termasuk pinjaman kepada isi rumah) sebanyak 12.7% telah mengatasi pengembangan tahunan deposit sebanyak 7.3%.

Rajah 1.62

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL) bagi Perniagaan Besar dan PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.63

Sistem Perbankan: Komposisi Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.64

Perniagaan Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Tuntutan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keberuntungan sektor perbankan terus bertambah baik pada tahun 2010 untuk mencatat kadar pulangan atas ekuiti pada 16.5% (2009: 14%). Keuntungan sebelum cukai tahun 2010 meningkat 34% kepada RM22.8 bilion. Prestasi yang mantap ini sebahagiannya didorong oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi yang meningkat pada kadar tahunan 15.1%, dan margin faedah bersih yang besar sedikit, iaitu 0.61 mata peratusan. Fi dan pendapatan lain, yang masing-masing berkembang 11.3% dan 4%, serta penurunan berterusan dalam caj jejas nilai (-9.1%) juga menyumbang kepada peningkatan keberuntungan.

Permodalan sektor perbankan terus teguh dengan penampan kewangan yang kukuh bagi sebarang kemungkinan kerugian. Hal ini diperkukuh oleh modal berkualiti tinggi, dengan 70% daripada jumlah keseluruhan modal adalah dalam bentuk ekuiti biasa dan rizab (Rajah 1.63). Agregat nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing pada 14.8% dan 13%, jauh melebihi paras minimum kawal selia, dan juga keperluan yang lebih tinggi di bawah Basel III. Sila lihat rencana "*Basel III dan Implikasi yang Mungkin Berlaku Terhadap Malaysia dan Sistem Kewangan*".

Dalam sektor insurans dan takaful, permintaan dalam negeri yang berterusan terhadap produk tabungan dan perlindungan, dan juga prestasi pasaran ekuiti yang bertambah baik telah menyokong hasil yang lebih baik pada tahun 2010. Pertumbuhan perniagaan didorong terutamanya oleh pemulihan yang kukuh dalam permintaan terhadap produk berkaitan pelaburan, dan permintaan yang lebih tinggi terhadap perlindungan hayat biasa serta insurans motor dan kebakaran. Pembayaran manfaat dan tuntutan sebagai peratusan daripada premium meningkat sedikit kepada 58.1% bagi perniagaan insurans hayat dan 62.3% bagi perniagaan insurans am. Sementara itu, portfolio motor terus menjejaskan prestasi keseluruhan memandangkan nisbah kerugian yang ketara lebih tinggi sebanyak 79.5% (Rajah 1.64).

Pada tahun 2010 secara keseluruhannya, agregat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi industri hayat dan takaful keluarga meningkat kepada RM14.1 bilion (+12.1%) manakala sektor insurans am mencatat keuntungan kendalian sebanyak RM2.2 bilion (+3.5%). Permodalan industri insurans kekal

Rajah 1.65

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

teguh dengan nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada 224.6% (2009: 225.7%) (Rajah 1.65). Meskipun prestasi pasaran ekuiti yang kukuh telah menaikkan keuntungan keseluruhan penanggung insurans, persekitaran kadar faedah yang masih rendah terus menimbulkan cabaran kepada penanggung insurans hayat dalam menguruskan ketakpadanan aset-liabiliti dan juga memenuhi jangkaan pemegang polisi.

Berdasarkan ujian ketahanan yang dijalankan secara berterusan oleh sektor perbankan dan insurans, sistem kewangan, sama ada pada peringkat agregat dan institusi, ternyata mampu menanggung risiko walaupun berhadapan dengan keadaan makroekonomi dan kewangan yang ekstrem. Ujian tekanan berasaskan senario yang merangkumi dedahan risiko pasaran dan kredit, mengandaikan bahawa timbulnya risiko utama secara serentak terhadap sistem kewangan Malaysia di bawah keadaan tekanan yang berbeza-beza. Parameter tekanan ini selanjutnya ditentukur (calibrated) agar merangkumi profil risiko yang khusus bagi sesebuah institusi berdasarkan penilaian penyeliaan terhadap pemacu risiko utama, sejarah mungkir dan kadar kerugian terperinci, kualiti aset dan kapasiti modal untuk menyerap risiko, serta kekukuhan pengurusan risiko dan kawalan tadbir urus.

Potensi kejutan kepada kedudukan risiko kadar faedah institusi kewangan disimulasikan berdasarkan pengalaman terburuk dalam sejarah bagi Malaysia agar dapat mengambil kira tahap berbeza-beza bagi (i) keluk kadar hasil MGS yang makin curam; (ii) spread kredit yang makin luas antara sekuriti hutang korporat berpenarafan tinggi dengan MGS; dan (iii) risiko asas lebih tinggi untuk mencerminkan pembezaan lebih besar antara swap kadar faedah dengan keluk kadar hasil MGS. Untuk dedahan dalam denominasi mata wang asing, kejutan mencerminkan potensi enam mata wang utama, iaitu dolar AS, dolar Singapura, euro, paun sterling, dolar Hong Kong dan yen, untuk turun naik dengan ketara berbanding dengan ringgit. Ketahanan terhadap risiko ekuiti ditentukur menggunakan kemerosotan yang ekstrem dalam FBM KLCI yang boleh dibandingkan dengan Krisis Kewangan Asia.

Andaian ujian ketahanan bagi dedahan risiko kredit sebahagian besarnya berasaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih lembap daripada jangkaan, terutamanya ekoran limpahan daripada prestasi ekonomi lembap dalam ekonomi maju dan rakan dagangan utama negara. Meskipun kebimbangan yang berkisar pada kemelesetan ekonomi berganda telah pun reda dan pemulihan global dijangka berterusan, daya tahan sektor kewangan Malaysia tetap diuji bagi kerugian kredit yang ekstrem akibat kegawatan global dan dalam negeri yang berlarutan. Di bawah senario makroekonomi terburuk, kejutan serius yang dikenakan atas keupayaan khidmat bayar balik hutang isi rumah dan perniagaan mencerminkan kerugian pinjaman besar yang ditanggung semasa Krisis Kewangan Asia.

Selepas menghadapi tekanan, RWCR dan CCR sistem perbankan mampu bertahan pada tahap melebihi 9% meskipun telah menyerap kerugian besar di bawah penguncupan ekonomi paling teruk dan turun naik pasaran kewangan yang ekstrem. Potensi kerugian kumulatif secara keseluruhan daripada kejutan kredit adalah jauh melebihi kerugian daripada kejutan risiko pasaran, masing-masing mencakupi 61.6% dan 19.7% daripada lebihan modal. Ini terutamanya disebabkan oleh kadar peruntukan kerugian pinjaman konservatif yang tidak mengambil kira nilai cagaran asas, dan ini dicerminkan dalam komposisi pembiayaan yang luas dalam lembaran kewangan (balance sheet) bank. Potensi kerugian terbesar daripada keadaan pasaran kewangan yang ekstrem berpunca terutamanya daripada dedahan risiko kadar faedah bank yang mencakupi 78.5% daripada jumlah kerugian risiko pasaran, diikuti oleh kerugian daripada pertukaran asing dan portfolio ekuiti, yang masing-masing mencakupi 14.9% dan 6.6% daripada jumlah kerugian risiko pasaran.

Ujian tekanan yang dibuat terhadap industri insurans turut mengesahkan daya tahan penanggung insurans di bawah senario yang buruk dan ekstrem. Di samping senario tekanan pasaran dan risiko kredit, faktor tekanan juga digunakan terhadap komponen risiko insurans agar mencerminkan risiko berikutan terkurang membuat anggaran bagi liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang buruk. Nisbah kecukupan modal industri pasca tekanan kekal pada paras yang hampir pada 130%, meskipun impaknya berbeza-beza antara penanggung insurans.

PROSPEK KESTABILAN SISTEM KEWANGAN DAN TUMPUAN PEMANTAUAN PADA TAHUN 2011

Prospek kestabilan kewangan dalam negeri pada tahun 2011 kekal positif disokong oleh kekukuhan asas sistem kewangan Malaysia. Institusi kewangan telah mengumpul penampan kewangan yang cukup besar sebanyak RM81.4 bilion sebagai pelindung terhadap risiko luar dan cabaran dalam negeri, meskipun di bawah senario tekanan kredit dan pasaran yang ekstrem. Dengan itu, sistem kewangan akan terus menyokong fungsi aktiviti pengantaraan selanjutnya.

Cabaran utama terhadap kestabilan pada tahun 2011 berkemungkinan besar berpunca daripada faktor luaran, kerana keadaan ekonomi global masih lagi lembap. Meskipun pertumbuhan dalam negeri dijangka lebih sederhana berbanding dengan tahun 2010, pertumbuhan tersebut akan terus disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dan pengembangan seterusnya dalam penggunaan dan pelaburan, walaupun perkembangan dalam sektor komoditi dan tenaga akan menjejaskan kos sara hidup, khususnya bagi kebanyakan rakyat Malaysia di kawasan bandar.

Peralihan dalam mudah tunai global terus menimbulkan cabaran kepada rantau Asia, termasuk Malaysia. Pencarian pada tahap global untuk aset yang menjana kadar hasil lebih tinggi dan jangkaan bahawa ringgit, bersama-sama dengan mata wang serantau lain, akan menambah nilai, berkemungkinan akan terus memberikan tekanan terhadap harga aset kewangan dalam negeri. Meskipun pasaran harta tanah dalam negeri tidak mengalami kenaikan harga menyeluruh berikutan aliran masuk modal, pasaran kewangan dalam negeri berkemungkinan akan terus turun naik dan mudah terjejas dengan perkembangan di luar negeri. Harga aset kewangan dan kadar faedah terus mudah terjejas akibat aliran masuk pelaburan portfolio yang besar dan tidak menentu, serta potensi aliran keluar secara mendadak. Langkah awalan yang diambil untuk memastikan amalan pengambilan risiko institusi kewangan terus berhemat dan langkah-langkah untuk menimbulkan kesedaran lebih tinggi dalam kalangan isi rumah, dan juga aktiviti perlindungan nilai sektor perniagaan untuk menguruskan kadar pertukaran yang turun naik, secara bersama akan mengurangkan risiko-risiko tersebut. Ini diperkukuh oleh keadaan kewangan institusi kewangan dalam negeri yang teguh.

Institusi kewangan akan terus berhadapan dengan tekanan untuk menjana pulangan dalam keadaan mudah tunai dalam negeri yang lebih daripada mencukupi. Penguatkuasaan amalan pemberian pinjaman secara yang bertanggungjawab dapat membendung tingkah laku yang agresif oleh institusi kewangan. Namun demikian, pengaruh daripada pemberi pinjaman bukan bank yang makin meluas perlu diuruskan untuk mengelakkan peningkatan hutang yang berlebihan dalam kalangan segmen peminjam yang tertentu.

Trend kenaikan harga komoditi dan minyak dijangka menyumbang kepada kos sara hidup dan kos input pengeluaran yang lebih tinggi. Oleh itu amat penting bagi institusi kewangan untuk memantau perkembangan risiko dalam segmen tersebut dan seterusnya mengambil langkah awalan untuk membantu peminjam yang terbabit. Melalui langkah tersebut, kualiti pinjaman keseluruhan akan terus terpelihara. Tambahan lagi, dengan adanya AKPK untuk membantu peminjam individu dalam menguruskan hutang dan kewangan mereka, sektor isi rumah kini akan terus mendapat sokongan.

Melangkah ke hadapan, tumpuan Bank akan menjurus ke arah strategi yang berikut untuk memastikan kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara:

- *Memastikan pengambilan risiko yang berhemat dan bertanggungjawab oleh institusi kewangan* – Aktiviti penyeliaan, termasuk pemeriksaan di premis, akan terus tertumpu pada amalan pengambilan risiko oleh institusi kewangan dan keberkesanan dalam menguruskan risiko dan fungsi kawalan. Langkah ini akan dilengkapi oleh penilaian berterusan terhadap daya tahan institusi kewangan terhadap kejutan kredit dan pasaran. Daya saing pasaran juga akan terus dipantau oleh Bank dari aspek amalan perniagaan dan penentuan harga, serta cara institusi kewangan berurusan dengan pelanggan;
- *Memastikan penggunaan isi rumah dan kapasiti pembayaran balik hutang yang mampan* – Penekanan akan terus tertumpu pada usaha memupuk amalan meminjam yang bertanggungjawab dengan meningkatkan tahap celik kewangan untuk

menggalakkan pengurusan kewangan dan hutang yang mantap, dan dengan itu membendung risiko kredit dalam sistem perbankan pada tahap yang berhemat. Tingkah laku yang lebih bertanggungjawab ini juga penting untuk menghindarkan pengumpulan hutang yang berlebihan oleh isi rumah di luar sistem kewangan formal. Bank juga akan memantau dengan rapi kemunculan pembiaya bukan bank yang bertambah dan menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan berkenaan yang bertanggungjawab terhadap pembiaya bukan bank sedemikian. Ini bagi memastikan aktiviti mereka tidak meningkatkan paras hutang isi rumah dengan ketara;

- *Memperkukuh rangkuman risiko dan penilaian terhadap entiti yang mempunyai implikasi sistemik dalam sistem kewangan* – Bagi menambah baik penilaian Bank mengenai risiko terhadap kestabilan kewangan, usaha akan ditumpukan pada rangkuman dan pengurusan penularan risiko dalam, dan kepada sistem kewangan. Di samping itu, Bank akan terus memantau perkembangan aktiviti entiti yang tidak dikawal selia olehnya;
- *Memahami dan menilai impak perubahan dalam persekitaran pengawalseliaan dan perakaunan* – Ini termasuk penilaian berterusan terhadap impak kepada kestabilan kewangan dan tingkah laku institusi kewangan berikutan keperluan modal dan mudah tunai yang lebih tinggi di bawah Basel III dan juga perubahan terhadap standard pelaporan kewangan antarabangsa;
- *Memperkukuh undang-undang kawal selia dan garis panduan kehematan* – Undang-undang yang sedia ada akan dikaji semula untuk memperkukuh lagi rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Bank. Langkah ini akan dilengkapi oleh penambahbaikan kepada rangka kerja tadbir urus dan memastikan rangka kerja pelaporan kewangan baharu boleh dilaksanakan dengan lancar. Dalam bidang kewangan Islam, rangka kerja pengawalseliaan akan diperkukuh untuk mencerminkan ciri unik kontrak kewangan Islam. Ini termasuk pembentukan parameter Syariah. Huraian tentang penambahbaikan ini terkandung dalam Bab 3, ``Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan´´; dan
- *Kerjasama dan penyelarasan kebangsaan, serantau dan global yang lebih aktif dan rapat* – Bank akan memperkukuh kerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan negara lain, dan juga melalui platform pelbagai hala dan pengaturan dua hala yang telah mantap untuk mengenal pasti secara berkesan dan memperkukuh lagi kesediaan Bank untuk mengendalikan risiko yang muncul terhadap kestabilan kewangan.

2010

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

49 Mengekalkan Kekukuhan dan Keyakinan dalam Sektor Kewangan

50 Memastikan Akses Berterusan kepada Pembiayaan

51 *Rencana: Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap*

54 *Rencana: Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di Malaysia*

58 Membangunkan Pasaran Kewangan

59 Meningkatkan Sumbangan Kewangan Islam dan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa

61 *Rencana: Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa: Meningkatkan Pengurusan Mudah Tunai Islam Global*

63 Meningkatkan Saling Hubungan Malaysia dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa

64 Meneruskan Pembangunan Modal Insan

65 Mengekalkan Integriti Sistem Kewangan

66 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

67 *Rencana: Memodenkan Industri Pengurupan dan Perkhidmatan Kiriman Wang*

70 Kepentingan Utama pada Masa Hadapan

Langkah-langkah dasar untuk membangunkan sektor kewangan pada tahun 2010 terus menyokong kestabilan makroekonomi dan momentum pertumbuhan ekonomi negara sambil meneruskan inisiatif jangka panjang untuk meningkatkan potensi keupayaan dan daya tahan sektor kewangan Malaysia. Saling hubungan antara Malaysia dengan ekonomi global dan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa terus diperkukuh. Ini dicapai melalui tumpuan berterusan terhadap usaha mempertingkat tahap rangkuman kewangan dan memastikan asas yang kukuh untuk kestabilan kewangan. Melangkah ke hadapan, sektor kewangan juga diletakkan dalam keadaan bersedia untuk memikul peranan yang semakin bertambah bagi menyokong peralihan negara ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, disokong oleh pertumbuhan yang mampan dan menyeluruh.

MENGEKALKAN KEKUKUHAN DAN KEYAKINAN DALAM SEKTOR KEWANGAN

Sejak bertahun-tahun yang lalu, institusi perbankan di Malaysia telah mewujudkan penampan modal dan peruntukan penampan yang kukuh, amalan penajajaminan dan pengurusan risiko yang bertambah baik, serta struktur tadbir urus yang diperkukuh. Pada tahun 2010, prasyarat untuk pertumbuhan seterusnya telah dipertingkat lagi sementara persekitaran yang menyokong pertumbuhan terus bertambah baik bagi menggalakkan persaingan dan inovasi yang produktif.

Jaring keselamatan kewangan semakin teguh dengan berkuat kuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 yang baharu pada 31 Disember 2010, yang meliputi penambahbaikan yang penting berkaitan dengan rangka kerja perlindungan pengguna. Perundangan baharu ini meluaskan perlindungan sedia ada di bawah sistem insurans deposit, dengan had perlindungan dinaikkan sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit sesebuah institusi ahli (daripada RM60,000). Perlindungan kini juga diperluas bagi meliputi deposit dalam denominasi mata wang asing. Kuasa PIDM untuk meminimumkan risiko dalam sistem kewangan juga dipertingkat untuk menyokong peranannya dalam memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia selain membolehkan ia membuat intervensi dan menamatkan operasi institusi kewangan yang tidak berdaya maju. Secara khusus, perundangan baharu ini memberikan kuasa kepada PIDM untuk menggunakan alat dan langkah yang lebih pelbagai, termasuk meningkatkan had perlindungan, meluaskan perlindungan kepada institusi bukan ahli dan melantik institusi perantara untuk mengambil alih secara sementara komitmen institusi yang tidak berdaya maju sebagai jalan penyelesaian.

Jaring keselamatan kewangan semakin teguh dengan berkuat kuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 baharu pada 31 Disember 2010

Bank terus menjalankan usaha yang selari bagi meningkatkan daya tahan industri insurans Malaysia. Usaha ini tertumpu khususnya ke arah meningkatkan keupayaan syarikat insurans dalam menyediakan perlindungan kepada pengguna, menangani kelemahan struktur dalam industri, dan mengukuhkan jaring keselamatan kewangan untuk melindungi kepentingan pemegang polisi.

Dalam industri insurans am, kewujudan terlalu banyak bilangan syarikat insurans am bersaiz kecil terus menjadi cabaran utama dalam merealisasikan potensi pertumbuhan jangka panjang bagi sektor ini dan keupayaannya memenuhi keperluan ekonomi yang semakin bertambah bagi produk perlindungan risiko. Daripada 30 syarikat insurans dalam industri insurans am, 20 merupakan syarikat kecil yang hanya menguasai sebanyak 38% daripada jumlah premium kasar. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap produk insurans dan mekanisme perlindungan yang semakin

canggih akan meningkat apabila ekonomi negara bergerak ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi, dan sektor pertumbuhan ekonomi baharu memainkan peranan lebih penting dalam ekonomi. Dengan mengambil kira faktor ini, Bank terus menggalakkan penggabungan dan rasionalisasi dalam industri yang bertujuan untuk membangunkan syarikat insurans am yang kukuh dengan keupayaan dan skala yang mencukupi agar dapat memberikan sumbangan bermakna kepada ekonomi seluruhnya. Kemajuan yang ketara telah dicapai setakat ini ialah, selain kejayaan skim rasionalisasi tiga syarikat insurans am yang diluluskan oleh Bank pada tahun 2010, beberapa rundingan yang menggalakkan sedang dalam rangka pelaksanaan. Dorongan untuk penggabungan dan rasionalisasi yang berterusan diperkuat lagi dengan had penyertaan ekuiti asing yang lebih liberal, keperluan modal yang bertambah, dan kehendak penyeliaan lebih tinggi terhadap syarikat insurans.

Usaha yang lebih giat untuk menangani kelemahan struktur sektor insurans motor telah dilaksanakan pada tahun 2010. Usaha ini penting untuk meletakkan industri insurans dan takaful am pada asas yang lebih kukuh bagi memenuhi keperluan sektor isi rumah dan perniagaan di Malaysia, memandangkan lebih 47.5% daripada jumlah premium dan caruman am tertumpu pada sektor motor. Perniagaan insurans motor merupakan portfolio dominan bagi 18 syarikat insurans am, yang mencakupi antara 24.3% hingga 87.3% daripada jumlah premium yang diunderait oleh kumpulan ini. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, industri insurans dan takaful am mendapati agak sukar untuk terus menyokong perniagaan insurans dan takaful motor jika dinilai dari aspek komersialnya. Ini telah menyebabkan syarikat insurans menarik diri daripada mengunderait polisi motor (terutamanya polisi Pihak Ketiga). Kajian semula yang menyeluruh ke atas rangka kerja insurans motor sedia ada telah dibuat dengan memberikan tumpuan kepada perlindungan kecederaan anggota pihak ketiga. Langkah ini bertujuan mengekalkan akses kepada perlindungan insurans motor yang mampu dibeli oleh orang ramai, sambil memastikan penyediaan perlindungan insurans terus bertahan dalam jangka panjang. Huraian lebih terperinci mengenai isu-isu dasar, cabaran dan hasil kajian semula ini terkandung dalam rencana khas ``*Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap*´´ dalam Laporan ini.

Jaring keselamatan untuk pemegang polisi insurans menjadi lebih kukuh berikutan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Takaful and Insurance Benefits Protection System, TIPS) pada 31 Disember 2010. TIPS menggantikan Dana Skim Jaminan Insurans (Insurance Guarantee Scheme Fund, IGSF) bagi industri insurans yang wujud sejak tahun 1970an bagi memenuhi tuntutan pemegang polisi syarikat insurans yang telah gagal beroperasi dengan menggunakan dana yang dikumpulkan oleh industri insurans. Sejak penubuhannya, IGSF telah digunakan untuk tujuan pembayaran bagi pihak tiga syarikat insurans am yang gagal beroperasi. Melangkah ke hadapan, TIPS akan memainkan peranan ini dengan memberikan tahap perlindungan yang lebih baik kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful. Selain itu, TIPS juga telah mendapat mandat yang lebih luas di bawah pentadbiran PIDM untuk menamatkan operasi syarikat insurans atau pengendali takaful yang tidak lagi berdaya maju atau yang dianggap oleh Bank sebagai syarikat yang mungkin akan menjadi tidak berdaya maju, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Keterangan lebih terperinci tentang sistem ini terkandung dalam rencana ``*Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di Malaysia*´´ dalam Laporan ini.

MEMASTIKAN AKSES BERTERUSAN KEPADA PEMBIAYAAN

Pelaksanaan langkah-langkah dasar yang segera oleh Bank pada tahun 2008 dan 2009 untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh sektor perniagaan dan isi rumah serta menyokong aliran kredit yang berterusan ke dalam ekonomi telah membolehkan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar dan cekap. Pada akhir tahun 2010, jumlah pembiayaan terkumpul sistem perbankan meningkat sebanyak 12.7% berbanding tahun sebelumnya kepada RM883.3 bilion atau 115.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jumlah pembiayaan terkumpul bagi sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.4% dan 13.4%.

Sebagai jentera pertumbuhan utama dalam ekonomi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mendapat sokongan daripada sektor kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka, dengan pembiayaan terkumpul kepada PKS daripada institusi perbankan dan institusi

Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap

Cabaran yang dihadapi industri insurans dan takaful dalam pengunderaitan motor dan kesannya kepada pemilik kenderaan bermotor

Di bawah perundangan pengangkutan jalan Malaysia, adalah menjadi keperluan mandatori bagi semua pemilik kenderaan bermotor di negara ini untuk membeli polisi insurans atau sijil takaful (secara kolektif dirujuk sebagai polisi insurans) bagi mendapatkan perlindungan daripada liabiliti yang timbul akibat kecederaan anggota, termasuk kematian, kepada mana-mana pihak ketiga. Keperluan ini bertujuan untuk memberikan pampasan kepada orang awam yang tercedera atau meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemilik kenderaan.

Di Malaysia, premium insurans motor (termasuk caruman dalam konteks takaful) dan skop perlindungan di bawah polisi insurans motor ditentukan oleh tarif motor Malaysia (Tarif). Tarif ini tidak pernah dikaji semula sejak tahun 1978 bagi mengambil kira perubahan profil risiko yang berkaitan dengan insurans motor dan perlindungan takaful (dirujuk sebagai insurans motor selepas ini dan merangkumi perlindungan takaful), termasuk meningkatnya kekerapan tuntutan dan kenaikan pantas kos tuntutan bagi kemalangan motor.

Antara perbelanjaan berkaitan dengan kemalangan kenderaan bermotor yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, kos berkaitan dengan kecederaan anggota dan kematian merupakan komponen terbesar. Sejak beberapa tahun ini, pembayaran tuntutan komponen Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga perlindungan insurans motor telah semakin meningkat dengan nisbah tuntutan melebihi 200% sejak tahun 2006. Bagi setiap ringgit premium Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga yang diterima pada tahun 2010, penanggung insurans dan pengendali takaful masing-masing membayar tuntutan sebanyak RM2.82 dan RM2.25 dan jumlah ini belum mengambil kira kos berkaitan yang lain seperti perbelanjaan pengurusan dan pemerolehan.

banyak untuk sebahagian besar pendedahan dalam dan luar lembaran imbangan tanpa mengira risiko yang wujud. Bank turut berkongsi kebimbangan yang diluahkan oleh sebilangan negara lain, iaitu penentuan jumlah dedahan tersebut boleh menyebabkan penyediaan kredit dialih daripada aktiviti berisiko rendah dan produktif dari segi ekonomi, seperti pembiayaan perdagangan. Kebimbangan kedua berkaitan dengan insentif nyata yang dibentuk oleh NSFR untuk menghindarkan pembiayaan jangka panjang yang akan menjejaskan peranan penting sistem perbankan dalam transformasi tempoh matang. Memandangkan terdapat kemungkinan timbulnya kesan yang tidak diingini yang seterusnya boleh menjejaskan ekonomi secara menyeluruh, terutamanya ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi yang sangat terbuka, penilaian yang berhati-hati amat penting dibuat terhadap kesan yang mungkin timbul daripada pelaksanaan langkah ini semasa tempoh pemerhatian tersebut, dan juga pelarasan yang wajar dilakukan sebelum pelaksanaan sepenuhnya. Dalam hal ini, Bank mengalu-alukan komitmen oleh BCBS untuk menggunakan tempoh pemerhatian bagi menilai sama ada reka bentuk dan pelarasan yang dicadangkan bagi langkah ini adalah wajar untuk mencapai objektif yang diharapkan dan pada masa yang sama mengelakkan gangguan ekonomi.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pelaksanaan Basel III dijangka menghasilkan manfaat jangka panjang kepada ekonomi dan sistem kewangan, dengan operasi sistem perbankan yang lebih kukuh sebagai terasnya. Dengan sistem perbankan yang lebih berdaya tahan, kemungkinan dan keruncingan krisis perbankan pada masa akan datang akan dikurangkan, demikian juga dengan keperluan intervensi secara besar-besaran oleh kerajaan untuk menyokong ekonomi dan menstabilkan sistem kewangan ketika berlakunya krisis. Di samping itu, elemen pakej pembaharuan yang mengurangkan prokitaran dan menggalakkan penampan kitaran berbalas akan memastikan bahawa sektor perbankan berupaya menyokong aktiviti pemberian pinjaman ketika kegawatan ekonomi, lantas mengurangkan kadar (amplitude) kitaran perniagaan. Berhubung dengan isu komponen khusus dalam pakej pembaharuan Basel III yang masih belum selesai, tempoh pemerhatian merupakan faktor yang sangat penting bagi membolehkan penilaian yang lebih lengkap terhadap cadangan dan penambahbaikan yang perlu dibuat untuk menangani sebarang kesan yang tidak diingini.

Pada Disember 2010, Bank mengeluarkan garis panduan mengenai Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) yang menggariskan pendekatan Bank terhadap Tunggak 2 (Proses Penilaian Penyeliaan). Di bawah Tunggak 2, institusi perbankan dikehendaki menilai kecukupan modal berbanding dengan profil risiko menyeluruh mereka, termasuk risiko yang tidak diambil kira atau dirangkumi sepenuhnya di bawah Tunggak 1 (seperti risiko kadar faedah dalam rekod perbankan dan risiko penumpuan kredit). Penilaian ICAAP merupakan tambahan kepada keperluan modal minimum yang ditetapkan di bawah Tunggak 1, yang mana bank dikehendaki mengekalkan paras modal melebihi piawaian Tunggak 1, sejajar dengan profil risiko dan matlamat masing-masing. Proses dan amalan penyeliaan semasa oleh Bank untuk menilai kecukupan modal institusi perbankan di bawah rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (risk-based supervisory framework, RBSF) pada amnya adalah konsisten dengan prinsip Tunggak 2. Penilaian ICAAP yang diperlukan di bawah Tunggak 2 dijangka dapat melengkapkan proses ini dari dua aspek khusus:

- dengan menyediakan input tambahan daripada proses dalaman sesebuah bank untuk memaklumkan Bank dalam membuat penilaian mengenai risiko sedia ada institusi tersebut dengan lebih baik menerusi RBSF; dan
- dengan menggalakkan integrasi amalan pengurusan modal institusi perbankan dengan proses perniagaannya, dan dengan itu menguatkan kaitan antara penilaian Bank tentang aktiviti utama institusi dengan kecukupan modalnya.

Sebagai sebahagian daripada ICAAP, institusi perbankan dikehendaki menyediakan strategi yang sesuai untuk mengekalkan modal pada paras yang setara dengan profil risiko masing-masing. Aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2011 akan dijuruskan pada usaha menilai dan memantau kemajuan inisiatif Tunggak 2 institusi perbankan dan memahami pendekatan yang diambil oleh bank untuk memperuntukkan modal bagi risiko utama perniagaan. Perhatian khusus akan diberikan kepada tahap sejauh mana bank menyepadukan proses ICAAP ke dalam proses dalaman mereka bagi perancangan dan unjuran perniagaan, pengurangan risiko, tadbir urus dan kawalan, penentuan harga dan pengurusan prestasi. Sebagai persediaan bagi pelaksanaan piawaian modal yang lebih tinggi, termasuk penyediaan penampan pemeliharaan modal tambahan di bawah Basel III, penilaian penyeliaan terhadap ICAAP institusi perbankan juga akan mempertimbangkan strategi yang relevan oleh bank untuk mencapai paras modal lebih tinggi pada masa hadapan. Ini termasuk melalui perolehan tertahan yang berpatutan dan dasar berkaitan dengan inisiatif untuk mendapatkan modal. Penzahiran modal bank di bawah Tunggak 3 juga akan diteliti dengan lebih rapi dan terus dipertingkat pada tahun 2010 untuk merangkumi bank-bank Islam dan institusi perbankan yang menggunakan pendekatan IRB.

Aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2011 akan dijuruskan pada usaha menilai dan memantau kemajuan inisiatif Tunggak 2 institusi perbankan dan memahami pendekatan yang diambil oleh bank untuk memperuntukkan modal bagi risiko utama perniagaan

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) bagi penanggung insurans terus menyediakan asas kukuh bagi langkah berterusan untuk memperkukuh kedudukan modal mereka. Pada akhir Disember 2010, nisbah kecukupan modal seluruh industri mencecah 224.6%. Peningkatan berterusan dilihat pada amalan pengurusan risiko penanggung insurans, dengan pendekatan dan penerapan lebih sistematik terhadap usaha menilai dan menguruskan dedahan risiko. Bank bercadang untuk mengemaskinikan Rangka Kerja RBC pada tahun 2011 dengan mengambil kira perkembangan antarabangsa bagi mewujudkan rangka kerja solvensi yang lebih konsisten buat penanggung insurans di seluruh dunia, seperti yang disarankan oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS), selain mengambil pengajaran daripada krisis dan perkembangan dalam standard perakaunan untuk kontrak insurans. Bidang khusus yang masih

dipertimbangkan untuk kajian semula termasuk metodologi penilaian bagi liabiliti insurans, pengiktirafan pengaturan insurans semula dan takrifan modal. Pada tahun 2010, Bank juga menarik balik kelonggaran sementara yang diberikan kepada penanggung insurans hayat dalam penilaian liabiliti insurans hayat tertentu, yang diperkenalkan sebelum ini sebagai tindak balas kepada perkembangan yang berlaku akibat krisis kewangan global. Langkah penarikan balik tersebut berjaya dilaksanakan tanpa menimbulkan kesan ketara terhadap kedudukan modal penanggung insurans, yang dengan demikian membuktikan daya tahan mereka yang berterusan.

Bank telah menghuraikan selanjutnya komponen khusus Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk pengendali takaful (Risk-Based Capital Framework for takaful operators, RBCT), berlandaskan parameter konsep yang dibentuk untuk RBCT pada tahun 2009. Ini mencakupi penentuan formula kecukupan modal dan caj risiko modal khusus yang mencerminkan perbezaan teras model perniagaan yang menjadi asas bagi industri insurans dan takaful. Di samping itu, RBCT juga menyentuh mengenai keperluan bagi pengendali takaful untuk mematuhi keperluan Syariah. Rundingan dengan pihak industri mengenai RBCT dan penilaian kesannya akan bermula pada suku kedua tahun 2011.

Tadbir urus korporat

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk menggalakkan kewujudan lembaga pengarah institusi kewangan yang lebih berkesan dan aktif, Bank menghuraikan dengan lebih lanjut tentang kedudukan ahli lembaga pengarah yang memegang peranan eksekutif dalam konteks kumpulan. Langkah ini berdasarkan dan memantapkan lagi prinsip yang penting dalam memastikan fungsi pengawasan diasingkan daripada fungsi pengurusan dalam institusi kewangan, khususnya dengan memastikan wujudnya keseimbangan yang wajar bagi ahli lembaga pengarah yang benar-benar bebas daripada fungsi pengurusan. Secara lebih khusus, individu yang digaji oleh sesebuah kumpulan kewangan yang memikul tanggungjawab pengurusan atau kawalan dalam kumpulan akan dianggap secara amnya sebagai pengarah eksekutif institusi kewangan tersebut. Oleh yang demikian, individu tersebut tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi lembaga pengarah institusi kewangan berkenaan. Jika lebih daripada dua orang pegawai eksekutif menjadi anggota lembaga pengarah, Bank boleh mengarahkan institusi kewangan berkenaan untuk mengambil langkah-langkah untuk membetulkan kedudukan, yang antaranya mungkin termasuk melantik pengarah bebas tambahan untuk menjadi ahli lembaga pengarah bagi memperkukuh kebebasan lembaga pengarah institusi berkenaan daripada aspek pengurusan.

Garis Panduan Kesesuaian dan Kewajaran untuk Orang Bertanggungjawab Utama (Guidelines on Fit and Proper for Key Responsible Persons) yang diterbitkan pada Mac 2011 akan melengkapkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat. Di bawah garis panduan tersebut, institusi kewangan dikehendaki mewujudkan dasar dan proses untuk menilai kesesuaian dan kewajaran individu-individu utama yang memikul tanggungjawab penting dalam institusi kewangan secara berterusan, termasuk pegawai pengurusan kanan dan mereka yang terutamanya bertanggungjawab bagi fungsi kawalan utama (termasuk aktuari yang dilantik). Garis panduan ini juga menggariskan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan kesesuaian dan kewajaran seseorang untuk memegang jawatan penting serta tindakan terhadap mereka yang didapati tidak lagi sesuai dan wajar.

Garis Panduan Kesesuaian dan Kewajaran untuk Orang Bertanggungjawab Utama (Guidelines on Fit and Proper for Key Responsible Persons) yang diterbitkan pada Mac 2011 akan melengkapkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat

Bagi kewangan Islam, Bank telah memuktamadkan dan mengeluarkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam (Rangka Kerja) pada Oktober 2010 untuk memperkukuh akauntabiliti dan tanggungjawab lembaga pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan institusi kewangan Islam berkaitan dengan urusan Syariah. Rangka Kerja ini menyokong pengauditan dan kepatuhan terhadap Syariah yang lebih efektif dan juga fungsi penyelidikan dalam institusi

kewangan Islam. Dalam usaha memastikan operasi dan aktiviti perniagaan institusi kewangan Islam sentiasa konsisten dengan prinsip Syariah, peranan Jawatankuasa Syariah bukan hanya sekadar penasihat tetapi kini merangkumi kuasa yang lebih tinggi dan akauntabiliti yang lebih jelas bagi keputusan-keputusan yang dibuat berhubung dengan urusan Syariah. Rangka Kerja ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Peranan Jawatankuasa Syariah bukan hanya sekadar penasihat tetapi kini merangkumi kuasa yang lebih tinggi dan akauntabiliti yang lebih jelas bagi keputusan-keputusan yang dibuat berhubung dengan urusan Syariah

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE) terus menjadi program latihan teras untuk pengarah institusi kewangan. Sejak pelancarannya pada November 2008, lebih daripada 200 orang pengarah institusi perbankan, penanggung insurans dan pengendali takaful, telah berjaya menyempurnakan program teras FIDE. Program ini dimantapkan lagi pada tahun 2010, hasil sokongan ahli fakulti sedia ada dan yang baharu yang merupakan pakar terkemuka dalam bidang tadbir urus dan pengurusan risiko. Program Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Teknologi Maklumat untuk pengarah telah diperkenalkan pada September 2010 lantas menjadikan jumlah program khusus yang ditawarkan bersama-sama dengan program teras sebanyak lima program.

Penambahbaikan selanjutnya terhadap program FIDE yang dirancang untuk tahun 2011 termasuk penawaran program baharu untuk ahli lembaga syarikat insurans dan program pelengkap teknikal tambahan dalam bidang seperti kewangan korporat, pemasaran strategik dan pelaburan merentas sempadan. Program FIDE kini diuruskan dan ditawarkan oleh Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) di bawah Pusat Tadbir Urus yang baru ditubuhkan. Butiran lanjut program ini terkandung dalam rencana ``*Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan di bawah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF*''.

Standard pelaporan kewangan

Bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2010, institusi kewangan diwajibkan mengguna Standard Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standard, FRS) 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan pinjaman/pembiayaan terjejas (impairment of loans/financing). Kebanyakan institusi perbankan menggunakan peruntukan peralihan (transitional provision) yang dibenarkan oleh Bank untuk menentukan peruntukan kolektif terjejas (collective impairment) sementara menunggu standard penjejasan (impairment) baharu yang masih dalam kajian semula oleh IASB. Lantaran asas baharu yang digunakan oleh bank untuk penjejasan di bawah FRS 139, tumpuan utama penyeliaan adalah ke arah memastikan anggaran kerugian yang ditentukan oleh bank berada pada tahap yang cukup berhemat untuk menyerap kerugian kredit sedia ada dalam portfolio pinjaman. Manfaat penting yang dapat dilihat berikutan penggunaan FRS 139 ialah penambahbaikan serentak terhadap proses kajian semula bagi kredit pinjaman yang dinilai secara individu bagi mengesan sebarang unsur penjejasan. Walaupun peruntukan untuk pinjaman terjejas meningkat tetapi ini lebih mencerminkan penggunaan maklumat kredit kuantitatif dan kualitatif yang lebih meluas dalam metodologi peruntukan penjejasan bank. Bagi mengurangkan perbezaan dalam mengguna pakai FRS yang lebih berasaskan prinsip yang akan mengurangkan keupayaan untuk membandingkan penyata kewangan antara institusi kewangan, panduan tambahan telah dikeluarkan kepada institusi individu untuk menggalakkan penggunaan yang lebih konsisten, khususnya dalam mentakrifkan pinjaman terjejas dan membuat peruntukan bagi pinjaman tak berbayar yang secara individunya tidak signifikan.

Amalan pelaporan kewangan untuk industri insurans dan takaful turut disejajarkan kepada standard perakaunan yang terpakai, iaitu FRS 139 dan FRS 4 Kontrak Insurans, dengan pindaan terhadap Garis Panduan Mengenai Pelaporan Kewangan untuk Penanggung Insurans dan Garis Panduan Mengenai Pelaporan Kewangan untuk Pengendali Takaful yang dikeluarkan oleh Bank pada Julai 2010. Berdasarkan pertimbangan

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan di bawah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE), yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada November 2008, kini ditawarkan di bawah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) mulai September 2010. FIDE dibangunkan dengan matlamat untuk menggalakkan kewujudan ahli lembaga pengarah yang berimpak tinggi dalam institusi kewangan dengan meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam menangani isu-isu tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan strategik dalam sektor kewangan. Penekanan diberikan terhadap isu-isu penting dan terkini yang dihadapi oleh institusi kewangan berdasarkan pemerhatian penyeliaan oleh Bank serta perkembangan global dan dalam negeri yang memberi kesan terhadap institusi kewangan. Para pengarah berpeluang untuk membahaskan isu-isu tersebut secara intelektual, serta meneliti implikasi secara praktikal dalam konteks persekitaran operasi mereka. Matlamat ini dapat dicapai melalui penggunaan meluas kajian kes dan simulasi yang dihasilkan berdasarkan pengalaman sebenar dalam sektor kewangan. Oleh itu, matlamat FIDE adalah untuk membekalkan para pengarah dengan kebolehan dan pengetahuan praktikal agar dapat melaksanakan tugas pengawasan pengurusan institusi kewangan secara berkesan.

Dalam tempoh dua tahun sejak pelancarannya, program FIDE terus diperhalusi dan ditambah baik untuk memperkasa kekuatan utamanya, iaitu:

(i) tumpuan yang unik dan terfokus terhadap tadbir urus dalam institusi kewangan yang membolehkan perbincangan mendalam antara pengarah yang mempunyai pemikiran yang sama tentang isu-isu khusus yang dihadapi mereka di lembaga pengarah. Ia juga memudahkan penyesuaian modul-modul utama seperti modul pengurusan risiko dalam membuat pertimbangan perniagaan yang berbeza dalam bidang perbankan, insurans dan kewangan Islam;

(ii) pengumpulan pengetahuan yang meluas dan kefahaman praktikal pengarah berpengalaman yang menyertai program untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran agar para pengarah dapat saling mempelajari daripada satu sama lain. Pengalaman ini seterusnya dibawa ke luar kuliah melalui sokongan berterusan dan kelengkapan yang disediakan kepada pengarah untuk mengekalkan hubungan selepas tamat program;

(iii) membina fakulti yang kukuh dalam pelbagai bidang, yang terdiri daripada pemimpin yang mempunyai idea terkini dan pengamal terkemuka daripada pelbagai latar belakang, serta berpengalaman luas dalam bidang perkhidmatan kewangan dan pembelajaran dewasa; dan

(iv) penglibatan meluas para pengawal selia dalam menyediakan input kandungan dan memperkukuh pengajaran yang diperoleh melalui interaksi penyeliaan dengan institusi kewangan. Ini dapat memastikan bahawa inti pati pembelajaran akan membuahkan amalan lembaga pengarah yang lebih baik dan mengekalkan jalinan yang kukuh antara program dengan kestabilan kewangan yang dihasratkan.

Inisiatif FIDE yang bermula dengan program berasaskan modul teras juga telah diperluas sebagai respons kepada minat mendalam yang ditunjukkan oleh pengarah institusi kewangan untuk mendapatkan latihan selanjutnya. Di samping program terasnya, FIDE juga kini menyediakan latihan dalam pelbagai bidang khusus dan teknikal sejajar dengan peranan lembaga pengarah yang tertentu (seperti jawatankuasa audit, jawatankuasa pengurusan risiko dan jawatankuasa pelantikan) dan juga memenuhi minat dalam kalangan pengarah untuk mendalami pengetahuan mereka mengenai aspek khusus di bawah kendalian mereka (seperti bidang teknologi maklumat dan kewangan Islam). Sejak tahun 2010, program turut disediakan untuk pengarah baharu bagi mempertingkat lagi pengetahuan mereka tentang urusan perbankan dan insurans yang asas. FIDE juga diperlengkap dengan siri ceramah dan syarahan khas oleh penceramah tersohor dan pakar industri terkemuka mengenai isu-isu semasa yang membolehkan pengarah terus mengikuti perkembangan terkini.

Sehingga kini, lebih 230 pengarah institusi kewangan Malaysia telah mendapat manfaat daripada program FIDE yang seterusnya berjaya membentuk amalan lembaga pengarah yang lebih kukuh dalam institusi kewangan. Kejayaan FIDE dan kesedaran yang lebih tinggi pada peringkat antarabangsa tentang betapa pentingnya tadbir urus dan perlunya lembaga pengarah yang efektif untuk memperkukuh daya tahan institusi kewangan serta menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang telah menarik minat yang semakin mendalam daripada pengarah institusi kewangan dari sekitar rantau ini untuk menyertai program ini. Sehubungan dengan itu, dan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperhebat kerjasama merentas sempadan dalam menggalakkan kestabilan kewangan, jangkauan FIDE telah diperluas untuk membolehkan program FIDE ditawarkan kepada pengarah institusi kewangan dari rantau Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika mulai tahun 2011. ICLIF akan berperanan sebagai platform untuk menguruskan, menyesuaikan dan menyediakan program FIDE ke rantau-rantau tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, ICLIF menubuhkan Pusat Tadbir Urus dan berikutan itu ICLIF kini dikenali sebagai Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF untuk mencerminkan mandatnya yang lebih luas.

Langkah tersebut akan membolehkan FIDE memanfaatkan kekuatan teras ICLIF dalam membangunkan kompetensi kepemimpinan untuk memperkukuh FIDE dan melengkapkan fakulti FIDE dengan pakar kepemimpinan dan tadbir urus di ICLIF dari institusi terkemuka dunia. Komitmen FIDE terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan rangkaian sokongan yang berkesan untuk pengarah institusi kewangan juga akan dipelihara dan terus diperkukuh. Pada masa hadapan, lebih banyak sumber akan dikhususkan di bawah ICLIF yang akan menjurus kepada aspek penyelidikan, pembangunan program baharu dan kajian kes, serta penyediaan pelbagai khidmat nasihat untuk anggota pengarah.

Bagi memastikan program FIDE akan terus relevan kepada industri, dan dengan mengambil kira perubahan dalam landskap kewangan, jalinan hubungan dengan industri akan berterusan bagi menyediakan pendidikan terkini untuk para pengarah sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai FIDE boleh didapati daripada laman sesawangnya di www.fide.org.my.

Program FIDE

PROGRAM TERAS

Setelah menamatkan keempat-empat modul, peserta akan mempunyai:

- kefahaman yang lebih jelas mengenai peranan lembaga pengarah dan tanggungjawab fidusiari setiap pengarah kepada pihak berkepentingan, termasuk pendeposit dan pemegang polisi
- kesedaran lebih tinggi mengenai perubahan dalam persekitaran undang-undang, kawal selia dan perniagaan, dan memikirkan implikasi serta-merta dan jangka panjangnya terhadap amalan lembaga pengarah
- keupayaan untuk memainkan peranan lebih aktif dalam menghasilkan wawasan yang dinamik untuk institusi, mewujudkan budaya etika yang kukuh, dan menggalakkan keseimbangan yang wajar antara kawalan risiko dengan keusahawanan
- kebolehan untuk mereka bentuk dan menilai struktur organisasi yang sesuai untuk pengurusan risiko yang lebih mantap
- kefahaman lebih mendalam mengenai isu-isu utama dalam pelaporan kewangan dan memastikan integriti laporan kewangan
- penghayatan lebih mendalam tentang bagaimana mereka boleh menyumbang dengan lebih baik terhadap keberkesanan keseluruhan lembaga pengarah dan jawatankuasa

PROGRAM UNTUK PERANAN KHUSUS LEMBAGA PENGARAH

- Program Jawatankuasa Audit
- Program Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Program Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan*

PROGRAM TEKNIKAL

- Kefahaman mengenai Perbankan
- Kefahaman mengenai Insurans*
- Pengurusan Risiko dalam Kewangan Islam
- Tadbir Urus IT dan Pengurusan Risiko
- Pengurusan Risiko dalam Takaful*

Simulasi khas lembaga pengarah

* Bakal diperkenalkan pada tahun 2011

berhemat dan pada masa yang sama mengambil kira perundingan dasar yang sedang dijalankan mengenai pengukuran dan pengemukaan kontrak insurans pada peringkat antarabangsa, yang mungkin mengakibatkan perubahan ketara kepada FRS 4, dua penyimpangan daripada FRS telah dikekalkan. Ini meliputi keperluan agar kontrak insurans hayat dinyatakan sebagai liabiliti (dan bukan sebagai ekuiti) dalam penyata kedudukan kewangan penanggung insurans dan larangan penangguhan kos pemerolehan bagi penanggung insurans hayat, yang mana kos sedemikian akan terus diambil kira pada dan apabila ia ditanggung. Garis panduan ini turut menetapkan dengan khusus keperluan yang perlu dipenuhi oleh penanggung insurans dalam penggunaan pilihan nilai saksama untuk aset kewangan, serta panduan tambahan tentang ukuran *qard* dan metodologi penjejasan (impairment methodologies) untuk menggalakkan ketekalan dan kebolehbandingan dalam kalangan pengendali takaful.

Aspek lain bagi rangka kerja berhemat kewangan Islam

Dalam industri perbankan Islam, rangka kerja pengawalseliaan berhemat berkembang sejajar dengan aktiviti perbankan Islam yang bertambah luas dan pelbagai. Garis Panduan Mengenai Aktiviti Pembangunan dan Pelaburan Harta Benda oleh bank-bank Islam, yang pertama kalinya dikeluarkan pada tahun 2007, telah disemak pada Mac 2010 untuk memperkukuh keperluan yang ditetapkan Bank berkaitan dengan keperluan institusi perbankan mewujudkan rangka kerja tadbir urus yang teguh dan juga kawalan dalaman yang berkesan, yang menggalakkan amalan perniagaan berhemat. Meskipun penglibatan bank-bank Islam di Malaysia dalam aktiviti pembangunan dan pelaburan harta benda belum begitu ketara pada masa ini, langkah pengawalseliaan secara berperingkat telah dilaksanakan untuk mengurangkan risiko akibat kesan kitaran pasaran harta tanah dan aktiviti yang berkaitan dengan operasi pembiayaan berasaskan aset oleh bank-bank Islam. Kehendak penyeliaan yang lebih tinggi termasuk keperluan agar fungsi-fungsi utama diwujudkan oleh bank-bank Islam untuk menyokong penilaian teknikal, penyelidikan dan penilaian aset yang mantap dalam unit pembangunan dan pelaburan harta benda mereka.

Kajian semula terhadap rangka kerja Kadar Pulangan (Rate of Return, ROR) turut dilakukan untuk memperkukuh aspek operasi rangka kerja ini sejajar dengan skop perniagaan institusi perbankan Islam yang semakin luas dan pelbagai, meliputi pelaburan harta tanah dan harta benda, pemajakan, produk berstruktur dan urus niaga berasaskan ekuiti. Rangka kerja ROR melindungi kepentingan pemegang akaun pelaburan yang mempunyai hubungan berkontrak dengan bank-bank Islam, terutamanya kontrak *mudharabah*. Bank akan mengeluarkan kertas konsep mengenai cadangan semakan terhadap rangka kerja pada suku ketiga 2011. Antara lain, semakan tersebut akan merangkumi keperluan yang lebih tinggi bagi pengasingan pengurusan *mudharabah* dengan dana jenis lain untuk mengelakkan percampuran pulangan dan kerugian bagi dana-dana ini.

Berhubung dengan kajian semula rangka kerja ROR, Bank telah mengadakan rundingan berasingan dengan pihak industri mengenai cadangan memperkukuh tadbir urus dan ketelusan dalam penggunaan rizab penyamaan keuntungan (Profit Equalisation Reserve, PER) oleh institusi perbankan Islam. PER merupakan alat penting untuk menguruskan risiko komersial teranjak, yang merujuk kepada kemungkinan institusi perbankan Islam terpaksa melepaskan sebahagian daripada keuntungan mereka untuk membayar kadar pulangan berasaskan pasaran kepada pemegang akaun pelaburan. Selain memperincikan lagi keperluan penyeliaan Bank dalam pengurusan PER, kajian semula itu juga adalah untuk memperjelas olahan perakaunan (accounting treatment) bagi PER dalam skop rangka kerja FRS yang diluluskan, yang diwujudkan oleh MASB, serta olahan terhadap modal kawalselia yang boleh digunakan untuk PER.

Tahun 2010 turut menyaksikan pengukuhan ketara dalam rangka kerja pengawalseliaan industri takaful. Komponen utama rangka kerja pengawalseliaan itu telah disiapkan dengan terbitnya Garis Panduan Mengenai Rangka Kerja Operasi Takaful (Takaful Operational Framework, TOF) pada Disember 2010. TOF merangkumi keperluan untuk penubuhan dan pengurusan dana takaful, termasuk prinsip berkaitan dengan aset, liabiliti dan pengurusan lebihan, serta pemulihan defisit dalam dana takaful. Ia juga menggariskan keperluan penzahiran secara meluas untuk mempertingkat ketelusan dalam operasi takaful. Seiring dengan pendekatan yang digunakan Bank

dalam mengawal selia perkhidmatan kewangan Islam, keperluan yang ketat dikenakan terhadap pematuhan kepada prinsip Syariah dalam operasi takaful, sambil memberikan fleksibiliti kepada setiap pengendali takaful untuk menentukan kontrak Syariah yang sesuai digunakan dalam operasi mereka, seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah masing-masing. TOF disokong oleh Garis Panduan Penilaian untuk Liabiliti Takaful yang dikeluarkan pada Disember 2010 untuk memastikan peruntukan (atau rizab) yang mencukupi disediakan untuk manfaat takaful yang setara dengan ciri produk dan risiko asasnya. TOF akan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2011.

Pengguna dan amalan pasaran

Susulan krisis kewangan global, isu pengguna dan amalan pasaran telah banyak menarik perhatian dunia. Walaupun tumpuan aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank dalam tingkah laku pasaran sebahagian besarnya didorong oleh pertimbangan dalam negeri, namun perkembangan antarabangsa turut menyumbang maklumat penting kepada usaha Bank, khususnya dalam segmen pembiayaan runcit. Berlatarkan persaingan sengit dalam segmen runcit yang tidak menunjukkan tanda-tanda akan reda sepanjang tahun 2010, Bank mempertingkat pengawasan terhadap amalan institusi kewangan dalam mendapatkan pelanggan baharu. Secara amnya, Bank mendapati bahawa institusi perbankan mematuhi standard penajajaminan yang berhemat, tetapi terdapat banyak perbezaan dalam tahap ketegasan standard yang digunakan untuk menilai kesesuaian produk, yang berdasarkan keperluan dan keadaan bakal pelanggan yang menjadi sasaran produk berkenaan. Beberapa amalan juga didapati tidak wajar menyebabkan pelanggan terpaksa menanggung beban hutang yang bertambah, lantas menjejaskan kepentingan jangka panjang mereka. Ekoran daripada pemerhatian ini, kertas konsep Garis Panduan Mengenai Pengendalian Perniagaan untuk Pembiayaan Runcit dan Garis Panduan Kad Kredit yang disemak semula telah dikeluarkan untuk menambahkan perlindungan yang diberi kepada pengguna dan menggalakkan tingkah laku kredit yang bertanggungjawab dalam kalangan institusi kewangan. Memandangkan jenis dan tahap persaingan dalam pembiayaan runcit mungkin boleh menjejaskan kepentingan pengguna, Bank telah mengambil pendekatan yang lebih preskriptif dalam kedua-dua garis panduan tersebut untuk melindungi kepentingan golongan pengguna yang lebih mudah terjejas. Bank mensasar untuk memuktamadkan garis panduan ini pada suku kedua 2011 setelah menyelesaikan isu-isu pelaksanaan yang dibangkitkan semasa proses rundingan.

Pada tahun 2010, Bank juga memulakan kajian semula terhadap garis panduan sedia ada tentang caj bayaran lewat yang dikenakan oleh bank-bank Islam. Cadangan perubahan yang diumumkan kepada pihak industri pada September 2010, termasuk metodologi yang dipertingkat untuk pengiraan caj pembayaran lewat dan penambahbaikan proses pentadbiran dalam pengendalian pembayaran *gharamah* (penalti) dan *ta'widh* (pampasan). Kertas konsep ini turut mengandungi standard minimum bagi pelaporan kewangan dan penzahiran caj pembayaran lewat, serta mekanisme rayuan yang sesuai untuk mempertimbangkan kes pembayaran lewat yang memenuhi keadaan yang tertentu. Bank selanjutnya menggariskan cadangan untuk menyediakan mekanisme lebih saksama dalam pemberian *ibra'* (rebat) oleh institusi perbankan Islam. Ini bertujuan untuk menangani isu berkaitan dengan ketidaktekalan amalan dan aplikasi dari segi kelayakan *ibra'* untuk pelanggan dalam kontrak berasaskan jualan (seperti *murabahah* dan *bai' bithaman ajil*).

Dari segi perlindungan kepada pelabur, pihak Bank, setelah berunding dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Perlindungan Pelabur pada Disember 2010, yang terpakai pada institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pasaran modal yang dibenarkan, yang dinamakan sebagai `orang berdaftar´ di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Capital Markets and Services Act 2007, CMSA). Garis panduan ini menyatakan bahawa semua peruntukan perlindungan pelabur yang berkenaan di bawah CMSA turut meliputi orang berdaftar, selain memastikan bahawa kakitangan yang menjalankan aktiviti pasaran modal yang dibenarkan bagi pihak pelabur adalah sesuai dan wajar. Langkah ini lantas menggunakan standard perlindungan pelabur yang sama kepada pelanggan institusi kewangan, seperti yang ditetapkan kepada pelanggan pengantara pasaran modal lain.

Dalam sektor insurans dan takaful, semakan penting yang telah dibuat terhadap garis panduan berkaitan dengan pelaburan untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada penanggung insurans dan

pengendali takaful dalam mereka bentuk dan menawarkan produk insurans dan takaful yang berkaitan dengan pelaburan. Ini mengesahkan permintaan yang bertambah terhadap produk sedemikian sejak mula diperkenalkan di pasaran Malaysia lebih sedekad yang lalu, dan kapasiti dan kecanggihan pengguna yang lebih tinggi dalam menguruskan kewangan mereka dengan menggunakan pelbagai pelan simpanan dan pelaburan yang digabungkan dengan perlindungan hayat. Fleksibiliti tambahan yang diberikan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful turut dilengkapi penzahiran yang lebih tinggi dan pengaturan pengawasan dalaman yang lebih kukuh bagi pengurusan dan kawalan perniagaan yang berkaitan dengan pelaburan.

Persatuan-persatuan industri terus memainkan peranan penting dalam memupuk amalan pasaran yang adil. Persatuan Insurans Hayat Malaysia (Life Insurance Association of Malaysia, LIAM) kini hampir memuktamadkan rangka kerja industri untuk memberi layanan yang adil kepada pelanggan dalam penyediaan perkhidmatan insurans hayat, berdasarkan prinsip layanan yang adil kepada pelanggan menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank. Garis panduan ini dijangka dapat membimbing penanggung insurans hayat dalam pengendalian keperluan kawal selia bagi pemberian layanan yang adil kepada para pelanggan. Di samping itu, ahli-ahli LIAM telah meluluskan resolusi untuk tidak membenarkan penanggung insurans menggunakan kontrak doktrin priviti (doctrine of privity) untuk menafikan hak peminjam individu/pengambil insurans hayat untuk mengambil tindakan terhadap penanggung insurans di bawah kontrak polisi insurans bertempoh gadai janji berkurang (mortgage reducing term assurance, MRTA) individu dan berkumpulan antara penanggung insurans dengan institusi kewangan. Dalam sektor insurans am pula, Persatuan Insurans Am Malaysia kini berganding bahu dengan pihak berkepentingan berkenaan yang terlibat dalam tuntutan insurans motor untuk meningkatkan kecekapan amalan penyelesaian tuntutan. Inisiatif yang dimajukan termasuk langkah untuk mengekang amalan tidak wajar oleh penanggung insurans yang mengenakan diskaun dagangan yang menyeluruh terhadap anggaran kos membaiki, meningkatkan profesionalisme panel pembaik kenderaan melalui `sistem berperingkat´ dan mengurangkan pertimbangan yang subjektif dalam penentuan nilai pasaran kenderaan. Inisiatif ini akan menyumbang ke arah peningkatan mutu kerja pembaikan kenderaan, mengurangkan masa yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan, dan juga persepsi orang ramai secara keseluruhan terhadap industri insurans.

Pembaharuan terhadap undang-undang perkhidmatan kewangan

Cadangan perubahan perundangan untuk menggabungkan dan memodenkan undang-undang perkhidmatan kewangan sedia ada di bawah undang-undang omnibus baharu yang diguna pakai ke atas institusi kewangan, pengendali sistem pembayaran dan penerbit instrumen pembayaran, serta pengantara pasaran berlesen dan diselia oleh Bank, telah mencapai kemajuan selanjutnya pada tahun 2010. Undang-undang baharu ini bertujuan menggalakkan keupayaan dan keberkesanan Bank yang berterusan dalam melaksanakan mandat pengawalan dan penyeliaannya, dengan mengambil kira perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks dan pendekatan yang setara terhadap pengawalan dan penyeliaan yang diperlukan bagi memelihara kestabilan kewangan dan melindungi pengguna. Sebahagian besar cadangan undang-undang baharu tersebut telah dihasilkan melalui proses yang menyeluruh dengan mengambil kira perkembangan di dalam dan luar negeri, selain himpunan pengetahuan dan pengalaman penyeliaan yang terdapat di Bank.

Undang-undang baharu ini bertujuan menggalakkan keupayaan dan keberkesanan Bank yang berterusan dalam melaksanakan mandat pengawalan dan penyeliaannya, dengan mengambil kira perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks

Walau bagaimanapun, dimensi perkembangan pengawalseliaan kehematan antarabangsa masih berubah-ubah, khususnya dalam bentuk dan perincian prinsip teras baharu dan semakan penyeliaan perbankan dan insurans yang berkesan yang masih dalam pertimbangan BCBS dan IAIS. Keperluan pengawalan dan penyeliaan tambahan

untuk mengendalikan institusi kewangan yang penting dari segi sistemik juga belum dinyatakan dengan jelas oleh badan penetap piawaian antarabangsa. Bank akan mengambil langkah untuk berinteraksi dengan komuniti penetapan piawaian antarabangsa untuk mengambil kira hala tuju yang akan ditetapkan oleh piawaian antarabangsa. Hal yang demikian akan diusahakan melalui perwakilan langsung Bank dalam beberapa jawatankuasa BCBS dan IAIS, selain melalui perkumpulan serantau yang menyumbang kepada proses pembaharuan.

AKTIVITI PENYELIAAN

Aktiviti penyeliaan Bank terus dijuruskan kepada usaha mengenal pasti dengan lebih awal risiko utama yang dihadapi oleh institusi kewangan individu dan juga isu-isu sistem yang lebih luas yang boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Tumpuan utama aktiviti penyeliaan pada tahun 2010 adalah terhadap usaha: (i) merangsang kapasiti institusi kewangan untuk menjangkakan dan seterusnya bertindak balas terhadap risiko yang muncul; (ii) memastikan kedudukan berisiko dan kelemahan yang telah dikenal pasti akan diambil tindakan susulan dan diperbetul secara berkesan; dan (iii) menggalakkan amalan yang bertanggungjawab dan adil terhadap pengguna dalam keadaan persaingan yang semakin sengit.

Melalui aktiviti penyeliaannya, Bank mendapati terdapat peningkatan pemantapan amalan pengurusan risiko dalam kalangan institusi perbankan pada amnya. Secara lebih khusus, tumpuan kepada isu-isu risiko pada peringkat lembaga pengarah telah bertambah, dan oleh itu lembaga pengarah kini lebih bermaklumat dan mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan mengenai risiko, serta berdebat dengan pihak pengurusan kanan berhubung isu-isu risiko yang sedang dihadapi. Penambahbaikan juga dilihat pada kualiti laporan risiko kepada lembaga pengarah, dengan penjajaran yang lebih baik dalam bank, iaitu antara kesanggupan mengambil risiko (risk appetite), strategi perniagaan dan sumber yang tersedia (contohnya modal, kemahiran dan teknologi). Cara penyampaian kenyataan berkaitan dengan kesanggupan mengambil risiko oleh institusi perbankan juga bertambah jelas dengan penggunaan gabungan unsur kuantitatif dan kualitatif untuk menyatakan kesanggupan pengambilan risiko tersebut. Pemerhatian selanjutnya mendapati peningkatan penggunaan data masa lalu oleh sesetengah institusi untuk menghasilkan anggaran risiko yang lebih berwibawa yang dapat membantu memaklumkan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam membuat keputusan berkaitan dengan risiko utama dengan lebih baik.

Penambahbaikan juga dilihat pada kualiti laporan risiko kepada lembaga pengarah, dengan penjajaran yang lebih baik dalam bank, iaitu antara kesanggupan mengambil risiko (risk appetite), strategi perniagaan dan sumber yang tersedia

Dalam bidang pengurusan modal, Bank melalui penilaian penyeliaannya telah mengenal pasti skop penambahbaikan seterusnya dalam proses yang sedang diterima pakai oleh bank untuk memastikan paras modal kekal melebihi modal kawal selia minimum di setiap peringkat kitaran perniagaan. Meskipun ujian tekanan ke hadapan (forward-looking stress test) menjadi bahagian yang semakin penting dalam aktiviti perancangan modal, keseriusan senario yang digunakan oleh institusi perbankan amat berbeza. Di samping itu, kebanyakan institusi didapati hanya mempertimbangkan keperluan modal jangka pendek dalam rancangan pengurusan modal, dan bukannya modal yang diperlukan sepanjang jangka masa sederhana sebagaimana yang dicerminkan dalam pelan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, beberapa kemajuan telah dicapai dalam kalangan institusi perbankan yang lebih besar untuk beralih kepada penggunaan alat pengukuran modal yang lebih canggih, yang menyepadukan pengurusan modal mereka dengan pengukuran risiko dan proses analisis. Dengan pengurusan modal menjadi agenda yang penting pada peringkat lembaga pengarah dan pengurusan kanan, yang dipengaruhi oleh keperluan pengawalseliaan di bawah Tunggak 2, Bank berharap agar kemajuan yang lebih banyak dapat dicapai dalam kalangan bank di seluruh industri pada masa yang akan datang. Ini bagi membentuk pendekatan yang lebih bersepadu

dalam perancangan modal, pengukuran risiko dan penyusunan strategi perniagaan. Bank selanjutnya berharap agar proses ini akan menyokong pembentukan pendekatan yang lebih mantap bagi pengukuran risiko yang sukar dikira seperti risiko mudah tunai.

Pada separuh kedua tahun 2010, penilaian tematik telah dijalankan untuk memeriksa amalan lembaga pengarah dalam kalangan institusi perbankan dalam negeri. Meskipun penambahbaikan dalam amalan tadbir urus institusi tersebut terus meningkat dengan lembaga pengarah mempamerkan pemahaman yang lebih baik tentang perniagaan selain menyediakan sekatan dan imbangan (check and balance) yang lebih kukuh kepada pihak pengurusan, penilaian tersebut telah mengenal pasti beberapa bidang yang dapat dikukuhkan lagi oleh institusi perbankan dalam negeri untuk membentuk asas tadbir urus yang lebih berkesan. Ini termasuk: (i) mempertingkat gabungan pengalaman dan kepakaran yang sesuai pada peringkat lembaga pengarah, khususnya dalam bidang pengurusan risiko dan pelaporan kewangan; (ii) penyertaan lebih aktif dan pendebatan oleh pengarah bebas; (iii) mengurangkan beban ahli lembaga pengarah yang mempunyai tanggungjawab bertindih dalam pelbagai jawatankuasa lembaga untuk membolehkan tumpuan yang lebih terhadap tanggungjawab utama setiap ahli jawatankuasa; (iv) melaksanakan program pendidikan yang berterusan agar ahli lembaga pengarah dapat mengetahui amalan terbaik dan perkembangan terkini dalam industri; dan (v) mewujudkan proses dalaman yang lebih teliti untuk menilai prestasi pengarah dan memastikan terdapat rancangan penggantian ahli lembaga yang sewajarnya.

Pada tahun 2010, Bank terus menjalankan penilaian terhadap produk di bawah rejim `*launch-and-file*´. Pada amnya, Bank mendapati institusi perbankan telah mewujudkan proses dalaman yang mencukupi untuk menangani risiko kewangan kepada institusi berkenaan ekoran penawaran produk baharu. Penambahbaikan selanjutnya juga telah diamati dari segi penerapan pendekatan penilaian risiko seluruh perusahaan (berbanding pendekatan secara berasingan) untuk memastikan semua risiko dan hubung kaitan antara risiko yang berbeza dapat dikenal pasti dengan segera, dan seterusnya dinilai dan dikawal dengan berkesan. Bagi produk Islam, lembaga pengarah dan pengurusan kanan entiti perbankan Islam memikul tanggungjawab selanjutnya untuk memastikan supaya risiko yang khusus bagi produk Islam juga difahami dengan sebaik-baiknya dan diuruskan dengan berkesan.

Memandangkan persaingan yang semakin sengit dalam segmen runcit, Bank telah memperhebat pengawasannya terhadap amalan pasaran. Lebih 270 iklan dan bahan promosi telah dinilai oleh Bank pada tahun 2010, dan membawa kepada 30 insiden yang mana institusi kewangan diarahkan menarik balik atau mengubah suai maklumat/penzahiran yang mengelirukan. Bank juga terus memantau fi dan caj yang dikenakan oleh institusi kewangan terhadap pengguna runcit dan perusahaan kecil dan sederhana untuk memastikan supaya fi dan caj adalah wajar, berpatutan dan adil. Tindakan penguatkuasaan oleh Bank telah menyebabkan sebanyak RM23 juta dikembalikan kepada pelanggan penyedia perkhidmatan kewangan bagi fi dan caj yang tidak dibenarkan untuk dikenakan, dan premium yang dikenakan bagi opsyen produk insurans yang telah diberikan gambaran yang kurang tepat sebagai produk mandatori atau sebagai sebahagian daripada pakej produk.

Rangka kerja penilaian penyeliaan Bank untuk mencegah pengubahan wang haram dan membanteras pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT) telah dipertingkat pada tahun 2010 untuk menyediakan panduan tambahan kepada penyelia dalam menjalankan penilaian AML/CFT di bawah RBSF, selain untuk meliputi trend baharu dalam pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, serta modus operandi baharu yang disebabkan oleh peningkatan inovasi dalam penawaran produk/perkhidmatan dan kemunculan teknologi baharu. Rangka kerja yang dipertingkat ini telah digunakan untuk menilai risiko AML/CFT di bawah penilaian tematik AML/CFT yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2010 terhadap sebahagian besar institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan, dan juga syarikat insurans terpilih.

Berhubung pematuhan kepada AML/CFT, kemajuan yang besar dilihat di seluruh industri, sejajar dengan standard dan amalan antarabangsa serta kehendak lebih tinggi yang ditetapkan oleh Bank. Peningkatan ini didorong oleh tahap kesedaran dan keupayaan teknikal yang lebih tinggi dalam kalangan institusi kewangan, yang dicapai terutamanya menerusi

penekanan yang lebih besar terhadap latihan. Institusi kewangan juga telah meningkat maju kepada amalan penerimaan dan usaha wajar (due diligence) pelanggan yang lebih canggih dan pintar, dengan penggunaan sistem IT dan sistem maklumat pengurusan yang lebih luas untuk menyokong pemantauan dan pengurusan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang lebih berkesan. Lebih banyak institusi kewangan telah beralih ke arah model pemantauan urus niaga berpusat berbanding dengan pemantauan tidak terpusat oleh unit dan cawangan perniagaan sebelum ini. Walau bagaimanapun, tadbir urus dan pengawasan oleh pengurusan masih boleh dimantapkan lagi untuk memastikan kekukuhan pengurusan risiko AML/CFT pada masa hadapan.

Kerjasama dan penyelarasan yang rapat dengan penyelia antarabangsa terus dijalankan untuk menyokong aktiviti penyeliaan Bank. Usaha ini bertambah giat pada tahun 2010 yang membolehkan Bank mengenal pasti dan memberikan tindak balas yang tepat pada masanya terhadap risiko yang muncul memandangkan bertambahnya operasi institusi kewangan domestik ke luar negeri dan institusi asing ke dalam negeri. Bank turut serta dalam dua forum penyeliaan (supervisory colleges) dan mesyuarat dua hala yang berlangsung di luar Malaysia, selain menjadi tuan rumah bagi dua forum penyeliaan berikutan peranannya sebagai penyelia institusi kewangan Malaysia yang mempunyai operasi di luar negeri. Jalinan hubungan ini meliputi penilaian terhadap keadaan ekonomi dan kewangan di negara asal dan negara tuan rumah, perkongsian rangka kerja penyeliaan negara masing-masing, pertukaran maklumat mengenai isu yang menjadi kebimbangan bersama dan langkah tindakan penyeliaan yang diambil, dan juga bidang-bidang kerjasama akan datang. Meskipun pengalaman berkaitan dengan forum penyeliaan secara relatif masih agak baharu di Malaysia, Bank yakin akan usahanya untuk mengembangkan amalan yang lebih kukuh dalam pengendalian forum penyeliaan setelah lebih banyak pengalaman diperoleh. Forum penyeliaan juga dijangka memainkan peranan penting dalam menyokong mekanisme yang berkesan untuk penyelesaian merentas sempadan bagi institusi kewangan yang penting dari segi sistemik pada masa hadapan. Inisiatif sedemikian pastinya akan menjadi lebih penting untuk menggalakkan kestabilan kewangan dalam negeri dan serantau.

Keupayaan penyeliaan dalaman Bank terus diperkukuh. Pada tahun 2010, usaha membangunkan sistem pengawasan mikro dengan fungsi dan pengumpulan data (data capture) yang lebih baik mula dilaksanakan untuk menyokong analisis risiko oleh Bank. Bank turut memperhebat pembangunan kumpulan tenaga mahir untuk menyokong pelaksanaan fungsi penyeliaan Bank dalam persekitaran yang lebih kompleks. Ini termasuk pengambilan kakitangan tambahan yang berpengalaman dan mempunyai kompetensi yang berkaitan, selain pengalaman berharga yang diperoleh oleh penyelia sedia ada melalui program sandaran (attachment arrangements) di organisasi kewangan antarabangsa dan agensi pengawalseliaan yang lain.

2010

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

95 Perkembangan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
100 Pengawasan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
105 Perpindahan Sektor kepada Pembayaran Elektronik
106 Integrasi Sistem Pembayaran Serantau

Pengawasan terhadap sistem pembayaran dan penyelesaian oleh Bank Negara Malaysia terus tertumpu pada pengurangan risiko sistemik, menggalakkan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang cekap bagi memenuhi keperluan pembayaran dalam negeri dan merentas sempadan selain meningkatkan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan pembayaran. Dengan tujuan meningkatkan lagi penggunaan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran), Bank memperhebat usahanya untuk mencapai kadar penggunaan pembayaran secara elektronik yang lebih tinggi dalam sektor sasaran termasuk mengambil inisiatif untuk menyediakan akses yang lebih luas dan mudah kepada sistem pembayaran dan perkhidmatan pembayaran. Sistem pembayaran utama di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2010 lantas memastikan penyelesaian dibuat tepat pada masanya bagi kedua-dua urus niaga bernilai tinggi yang penting dari segi sistemik (memandangkan ia boleh mengakibatkan risiko sistemik) dan urus niaga runcit.

Sistem pembayaran utama di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2010 lantas memastikan penyelesaian dibuat tepat pada masanya bagi kedua-dua urus niaga bernilai tinggi yang penting dari segi sistemik dan urus niaga runcit

PERKEMBANGAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

RENTAS

